


Kaya, emosional, dan menerangi. Buku ini amat diperlukan di dunia kita.

-William Alexander, pemenang Anugerah Buku Nasional Amerika

Neha yang Kehilangan Negaranya



THE INSTITUTE ON STATELESSNESS AND INCLUSION

Neha yang Kehilangan Negaranya



Ditulis oleh
Amal de Chickera dan Deirdre Brennan

Diilustrasi oleh
Dian Pu

Direka letak oleh
Deshan Tennekoon dan Nur Jannatul Ajilah

Diterjemah oleh
Andre Tan GuanYu

Disemak pruf oleh
Ridfan Abdul Hamid, Mohd Sazni, Aime Marisa Chong

Sebuah Penerbitan

INSTITUSI TENTANG ORANG TANPA WARGANEGARA DAN PENYERTAAN
(*Institute on Statelessness and Inclusion*)



Institusi Tentang Orang Tanpa Warganegara dan Penyertaan (*Institute on Statelessness and Inclusion*) adalah sebuah persatuan bukan kerajaan yang berjuang untuk hak warganegara setiap orang.

© Institusi Tentang Orang Tanpa Warganegara dan Penyertaan (*Institute on Statelessness and Inclusion*), Mei 2018
info@institutesi.org
www.institutesi.org

Ditulis oleh: Amal de Chickera dan Deirdre Brennan

Dilustrasi oleh: Dian Pu

Direka letak oleh: Deshan Tennekoon, Nur Jannatul Ajilah

Diterjemah oleh: Andre Tan GuanYu

Disemak pruf oleh: Ridfan Abdul Hamid, Mohd Sazni, Aime Marisa Chong

Diterbitkan oleh: Institusi Tentang Orang Tanpa Warganegara dan Penyertaan (*Institute on Statelessness and Inclusion*)

Kredit gambar tambahan: gambar-gambar di atas muka surat 4, 25, 26 & 55 © SOS Villages Aboiso dan UNHCR Ivory Coast; lukisan atas muka surat 77 © Kanchini Chandrasiri. Gambar-gambar tambahan (dipangkas untuk padan) di bawah lesen CC oleh Hazize San, Vanessa Porter, Cheryl Marland, Jerome Bon, Rey Perezoso, Diyar Se.

Kredit gambar tambahan: gambar-gambar di atas muka surat 17, 23, 52, 53, 55, 59 & 75 © Greg Constantine; gambar-gambar di atas muka surat 31, 56 & 57 © Saiful Huq Omi; gambar di atas muka surat 21 © Allison Petrozziello dan OBMICA; gambar di atas muka surat 42 © Subin Mulmi dan FWLD; gambar di atas muka surat 83 © Deepti Gurung; gambar di atas muka surat 39 © Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara Kenya (*The Kenya Human Rights Commission*); gambar di atas muka surat 20 © Laura Quintana Soms; dan gambar di atas muka surat 33 © Helen Brunt.

ISBN: 978-90-828366-0-8

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem penyimpanan, diterjemahkan atau ditular di dalam sebarang bentuk, termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau bentuk-bentuk lain tanpa kebenaran secara tulisan dari Institusi Tentang Orang Tanpa Warganegara dan Penyertaan (*Institute on Statelessness and Inclusion*). Walau bagaimanapun karyawan, penyunting, dan penerbit telah mencuba sedaya upaya untuk memastikan ketetapan penerbitan ini, tanggungjawab sebarang kesalahan dan/atau ketinggalan tidak diterimakan dan mereka tidak akan bertanggungjawab atas kegunaan sebarang maklumat yang dikemukakan di dalam karya ini oleh sesiapa jua.

Institusi Tentang Orang Tanpa Warganegara dan Penyertaan (*Institute on Statelessness and Inclusion*) adalah sebuah penubuhan tidak beruntung (Stichting) yang didaftarkan di negara Belanda. *Chamber of Commerce Registration Number*: 61443840.

N mewakili Kewarganegaraan (Nationality)
S mewakili Tanpa Kewarganegaraan (Statelessness)

... dan...

N mewakili Neha
S mewakili Supergirl

*Buku ini ditujukan kepada anda, dan setiap
kanak-kanak yang menjadi tanpa kewarganegaraan dan dibiarkan keseorangan
untuk menghadapi dunia ini.*

Kami berjuang untuk anda.



APATRIDE



Kandungan

| | |
|--|----|
| Perjalanan Neha | 07 |
| Dunia Tanpa Kewarganegaraan | 46 |
| Soalan-soalan Neha | 48 |
| Persoalan Tentang Kanak-Kanak Tanpa Kewarganegaraan | 60 |
| Kenali Hak Anda! | 62 |
| Renungan Neha | 71 |
| Kami Memahami Anda | 74 |
| Surat Kepada Seorang Kanak-kanak Tanpa Kewarganegaraan | 78 |
| Masa Depan Neha | 81 |
| Belajar, Berfikir, Bertindak, Berkempen, Bermain | 84 |
| Penghargaan | 86 |





Perjalanan Neha

Saya

sedang

jatuh.

Semakin laju,

saya jatuh!

Aduh!

Kenapa saya selalu mendarat dengan mengejut?

Setiap kali lah! Saya tahu saya sedang bermimpi, tapi ia masih menggerunkan saya.

Saya tercungap-cungap. Saya menutup mata saya.

Peluh sejuk melitupi badan saya. Hujan renyai menitis di pipi saya. Basah. Adakah saya terlupa menutup tingkap?

Saya menggenggam cadar katil, tetapi ia bertukar menjadi butir-butir kecil yang melepasi jari jemari saya. Pasir kah ini?

Sepasang tangan mengasak-asak bahu saya. “Bangun,” kata suara asing itu.

Titisan hujan jatuh ke muka saya, di masa yang sama sebuah basikal melintas di hadapan saya dengan tergesa-gesa. Saya berada di luar. Kesemuanya aneh dan persekitaran saya dingin. Saya tidak kenali tempat ini.

Saya menutup mata saya. Saya masih bermimpi lagi.

Bangun!” Suara itu berkata.

Saya membuka mata saya perlahan-lahan.

Seorang budak yang berkulit cerah dan rambutnya perang kekuningan sedang merenung saya. Dia mungkin berumur 12 tahun, sebaya dengan saya.

Mukanya kelihatan terkejut, sama seperti perasaan saya pada masa itu. Tetapi, dia sungguh beradab. Dia meluruskan posturnya dan berkata, “Selamat datang ke **Belanda!** Nama saya **Lucas.**”

Dengan lemah, saya menjawab “Hai, saya **Neha**, dari **Nepal**”, diikuti oleh

“Bagaimanakah saya sampai ke sini?”

Mukanya nampak bingung, dan dia mengangkat bahunya.

Kami berada di sebuah taman yang terletak di seberang jalan dari sederet rumah. Terdapat banyak penunggang basikal yang melintas di hadapan saya dan menarik perhatian saya. Apabila seorang lelaki yang sedang memandang telefon bimbitnya berjalan di lorong khas untuk basikal, dia dikejutkan oleh satu korus bunyi loceng-loceng basikal. Ia amat lucu bagi kami. Lelaki itu melompat dari lorong tersebut seperti seekor katak!

Akhirnya Lucas menjemput saya masuk ke rumahnya. “Jomlah, masuk!” Saya bersyukur kami bukan di bawah hujan lagi. Kami melintas jalan dan Lucas mengetuk pintu sebuah rumah. Seorang budak perempuan membuka pintu, ia adiknya yang bernama Linde.

“Jadi, kamu dari Nepal, dan kamu tak tahu macam mana kamu sampai ke Belanda?”

Saya menggelengkan kepala saya.

Kesunyian.

Jelas sekali Lucas sedang berfikir dengan mendalam tentang segala-galanya, dahinya berkerut kerana dia sedang menumpukan perhatian dengan sedaya-upayanya. Saya sudah terlalu bingung untuk melakukan apa-apa atau berfikir dengan jelas.

Akhirnya, Lucas meluruskan dirinya dan mengisytiharkan, “Saya rasa saya mungkin tahu apa yang membawa kamu ke sini! Tetapi kamu mungkin tidak akan percaya saya”.

Saya rasa ekspresi muka saya seperti mencabar dia dengan ungkapan, “cubalah!” Dia mengeluarkan sekeping syiling dari poketnya. “Kenal ini tak?” Sekeping syiling dua Rupee dari Nepal!

“Saya seorang pengumpul duit...maksudnya saya mengumpul syiling.” Tergagap-gagap Lucas. “Saya amat suka melancong ke luar negara, dan syiling-syiling saya adalah dari tempat-tempat paling hebat

NEGARA BELANDA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG TERLETAK DI EROPAH. NAMANYA DI DALAM BAHASA INGGERIS BERMAKNA 'TANAH RENDAH' KERANA KEBANYAKAN WILAYAHNYA BERADA DI TANAH RENDAH DAN MENDATAR. IA JUGA MEMPUNYAI KAWASAN YANG BERADA DI BAWAH PARAS LAUT.



RUPEE ADALAH MATA WANG YANG DIGUNAKAN DI NEGARA NEPAL DAN BEBERAPA BUAH NEGARA DI ASIA SELATAN SEPERTI INDIA DAN SRI LANKA.





yang saya pernah lawati, ataupun tempat-tempat yang saya ingin melawat.

Saya sangat berminat untuk melawat Nepal dan mendaki Gunung **Himalaya**, dan berjumpa dengan seekor **Yeti!**"

"Ok, ini bahagian yang paling gila. Sebab saya sangat berminat untuk melawat Nepal, saya mengambil syiling ini dan menghajatkan dengan sedaya-upaya supaya saya boleh melihat Nepal. Kamu mungkin tidak akan percaya saya, tetapi selepas saya membuka mata saya, kamu muncul, macam ajaib!"

"Gila kan?"

Saya tidak tahu bagaimana untuk menjawab Lucas. Penjelassannya memang gila. Tetapi bagaimanakah saya boleh berada di Belanda, begitu jauh dari tanah airku?

Tiba-tiba, Lucas berkata sesuatu yang sangat bijak. "Nenek saya pernah menyebut, sekiranya berlaku sesuatu yang luar biasa, ia pasti untuk tujuan yang baik. Saya menggunakan syiling ini untuk menghajatkan makan angin, tetapi syiling

BANJARAN HIMALAYA ADALAH BANJARAN GUNUNG YANG TERTINGGI DI DUNIA DAN TERLETAK DISEMPADAN INDIA, NEPAL, BHUTAN, CHINA, DAN PAKISTAN. GUNUNG YANG TERTINGGI DI DUNIA BERADA DI KEDUA-DUA NEGARA NEPAL DAN TIBET. YETI ATAUPUN 'MANUSIA SALJI YANG DAHSYAT' ADALAH MAKLUK MITOS YANG DIKATAKAN TINGGAL DI BANJARAN HIMALAYA. IA DIGAMBARAKAN SERUPA DENGAN MAWAS, TETAPI LEBIH BESAR.



saya telah membawa kamu ke sini. Mungkin, kamu memerlukan pelancongan ini lebih daripada saya!”



Perluakah saya melancong?

Saya sangat berpuas hati di rumah saya di Nepal.


Ataupun tidak?

Saya mula teringat kembali...

Kakak saya, Nikita, dan saya berada di sekolah dengan mak. Pada masa itu, mak

sangat susah hati. Mak teruskan mengulang katanya kepada cikgu bahawa Nikita dan saya adalah warganegara Nepal, kami telah dilahirkan di Nepal dan tidak pernah keluar negara. Namun begitu, cikgu hanya menggeleng-gelengkan kepalanya. Cikgu Bhattarai mengelak renungan mata mak. Beliau pandang ke bawah dan berkata, “Maaf Didi, tetapi Nikita tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaannya tanpa bukti

DIDI ADALAH PERKATAAN MESRA YANG DIGUNAKAN DI NEPAL OLEH WANITA UNTUK MENGAJUKAN WANITA LAIN. MAKSUDNYA ADALAH ‘KAKAK’.



kewarganegaraan.”

Apabila saya lihat mak begitu, saya berasa amat kecewa. Saya teringat kepada masa-masa mak pernah susah hati begini. Pada masa mak berbincang dengan seorang penjawat awam yang biadap, mak kekal tenang sambil cuba menjelaskan sebab mengapa ayah tidak hadir. Pada masa seorang hakim di mahkamah menunjukan soalan aneh kepada mak tentang pengajaran moral; mak tidak menjawab soalan itu.

Saya tidak dapat bayangkan betapa mak menyayangi kami. Apa yang mak lakukan, semuanya untuk kami. Saya tidak berdaya untuk melihat mak terlalu bersusah hati. Lebih dari itu, saya tidak sanggup untuk fikirkan yang kami menyumbang kepada kesusahan hatinya.

Semuanya kabur dan saya berasa pening. Ada bunyi nyaring di dalam telinga saya. Saya melihat bibir orang bergerak tetapi saya tidak mendengar suara mereka.

Kaki saya bergoyang dan kelopak mata saya tertutup.

Perkara terakhir yang saya nampak adalah kaki mak.



Saya bercerita apa yang telah berlaku kepada Lucas. Kenangan terakhir saya dari Nepal. Saya bertanya kepada Lucas semua soalan yang sedang mengelirukan saya. “Mengapakah Nikita tidak dibenarkan menduduki peperiksaannya? Adakah saya juga tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan? Adakah itu sebab mak sangat susah hati? Apakah kewarganegaraan? Patutkah semua orang mempunyainya?”

Lucas mengerutkan dahinya seperti biasa dilakukannya. Saya berasa seperti saya sudah kenal dia lebih dari beberapa minit sahaja!

“Saya rasa kewarganegaraan adalah asal-usul kamu. Contohnya, kalau kamu dilahirkan di negara Jerman, asal kamu adalah Jerman. Saya rasa setiap orang ada kewarganegaraan kerana setiap orang ada asal-usul.”

Linde, yang sedang mendengar, tiba-tiba menambah: “Hmm, kewarganegaraan adalah bahasa yang kamu guna untuk bertutur. Saya lazim bertutur dalam bahasa Belanda, jadi saya tahu saya dari negara Belanda. Saya ada sekeping pas perjalanan bas untuk pergi dan balik dari sekolah yang mempunyai nama saya. Jadi, itu barangkali membuktikan bahawa saya mempunyai kewarganegaraan Belanda”.

Kata-kata mereka membuat saya berfikir...

Saya berasal dari Nepal, dan saya lazim bertutur bahasa Nepal, mestilah saya ada kewarganegaraan Nepal! Tetapi, saya tahu juga bahawa mak sedang bersusah payah untuk membuktikan kewarganegaraan kami. Lagipun, kami tiada pas perjalanan bas di Nepal!

“Itu dia! Misi kamu adalah untuk mencari kewarganegaraan kamu!”

Lucas berlari ke biliknya dan kembali dengan sebuah dompet. “Saya simpan syiling saya yang paling berharga di sini.” Dia berkata. “Ambillah. Saya rasa mesti ada sebab kenapa syiling itu telah membawa kamu ke sini. Saya berasa bahawa syiling itu boleh membawa kamu ke pelbagai tempat, jadi kamu boleh belajar tentang konsep kewarganegaraan dan membuat kenalan baru. Keluarkan sekeping syiling, genggamkannya dengan ketat, tutup mata kamu dan lafazkan hajat kamu. Saya rasa setiap syiling akan membawa kamu balik ke negara asalnya. Ketahuilah lebih lanjut mengenai kewarganegaraan. Selamat tinggal! Jangan lupa menceritakan perjalanan kamu kepada kami ya!”



Pada masa itu, Linde menyelongkar beg sekolahnya dan mengeluarkan sebuah buku nota. “Ambil ini Neha! Kamu boleh menulis tentang perjalanan kamu dan mencatat jawapan-jawapan bagi soalan-soalan kamu di sini!”

Okay, jadi kewarganegaraan nampaknya bermaksud asal-usul kamu dan bahasa yang kamu gunakan untuk bertutur. Dan nampaknya semua orang ada kewarganegaraan. Sekiranya ini memang benar, mengapa kakak saya menghadapi masalah?

SOALAN 1

APAKAH
KEWARGANEGARAAN?
ADAKAH SEMUA
ORANG MEMPUYAI
KEWARGANEGARAAN DARI
NEGARA DIMANA MEREKA
DILAHIRKAN?

bahasa lain yang saya tidak faham terukir di atas muka syiling itu. Saya pusingkan syiling itu dan terlihat bahawa saya berada di **Sri Lanka**. Saya dapat lihat di sana! Laut!

Saya tidak pernah melihat laut. Ia itu besar dan selalu bergerak, tetapi ia tidak pergi ke

mana-mana pun. Saya terpukau.

Dua orang gadis tiba-tiba melompat di depan saya dan menghalang pandangan saya. Mereka adalah adik beradik. Kenolee berumur sembilan tahun dan Kithmi berumur sepuluh tahun. Kami duduk di tepi pantai itu. Bangunan-bangunan ibu negeri, **Colombo**, berada di belakang kami.

Saya menceritakan kepada mereka tentang kisah hidup saya. Apabila saya bertanya kepada Kithmi “apa itu kewarganegaraan?”, dia berfikir untuk

Saya sangat bersyukur. Mereka adalah orang yang baik. Saya ucapkan terima kasih dan memeluk mereka. Saya mengambil buku dan syiling itu. Saya berjanji untuk memberitahu mereka apa yang terjadi. Saya menutup mata saya, saya keluarkan sekeping syiling dan memegangya dengan erat di dada, sambil melafazkan hajat saya.



Bayunya sangat menyeronokkan, tetapi cuacanya panas! Saya boleh mendengar seekor burung yang menyanyi ... bukan, ini bukan nyanyian, lebih seperti menjerit. “gak-gak, gak-gak”. Saya membuka tangan saya dan melihat ada sekeping syiling 10 rupee. Tetapi ini bukan wang Nepal. Terdapat dua

SRI LANKA ADALAH SEBUAH NEGARA PULAU YANG INDAH DI ASIA SELATAN. IA JUGA DIGELAR ‘MUTIARA LAUTAN HINDI’. SETELAH DIJAJAH OLEH ORANG PORTUGIS, BELANDA, DAN INGGERIS, SRI LANKA AKHIRNYA DIBERIKAN KEMERDEKAAN OLEH PENJAJAH INGGERIS PADA TAHUN 1948. LEBIH DARI 20 JUTA ORANG DARI PELBAGAI KUMPULAN ETNIK DAN AGAMA BERBEZA TINGGAL DI NEGARA INI.



masa yang lama. Akhirnya, dia menjawab, “kewarganegaraan adalah semua kebudayaan, adat resam, agama, dan kaum di dunia kita.” Kenolee juga menambah, “Bukan itu sahaja **Akki**. Macam, er, erm, kewarganegaraan bermaksud, kamu ada ... macam satu tempat. Macam, negara yang kamu dilahirkan, dan peraturan yang kamu patuhi. Contohnya, saya adalah warganegara Sri Lanka jadi saya mesti patuhi peraturan Sri Lanka. Ya. Itu je.”

Kenolee berkata dia tahu dia mempunyai kewarganegaraan Sri Lanka kerana, “Saya diberitahu bahawa saya ada warganegara tersebut. Lagipun, kamu boleh merasai kewarganegaraan kamu. Macam tenaga dalaman. Contohnya, kamu ada suatu rasa di dalam hati yang kamu adalah orang Sri Lanka, atau Inggeris, atau Amerika ... melalui tenaga dalam badan kamu. Oh, warna kulit kamu juga boleh menunjukkan apa kewarganegaraan kamu.”

Saya mempertimbangkan apa yang dikatakan oleh Kenolee. Saya memberitahu Kithmi dan Kenolee bahawa saya berasa saya adalah orang Nepal, saya adalah sebahagian dari kebudayaannya dan saya juga merasai ‘tenaga dalaman’ itu. Paras rupa saya juga sama seperti orang lain yang dari Nepal, jadi saya tidak faham kenapa mak tidak boleh membuktikan bahawa

kami adalah warganegara Nepal. Kithmi mengangkat bahunya. “Orang dewasa sangat pelik” dia berkata.

Saya ketawa dan bersetuju, tetapi fikir dia perasan rasa sedih di hati saya. Kithmi memeluk saya dan berkata, “Setiap orang mesti ada kewarganegaraan. Setiap orang ada tanah air kan?” Kami bersembang dan bermain kejar-kejar di pantai. Walaupun saya seronok bermain dengan mereka, saya perlu meneruskan perjalanan. Kithmi minta saya tunggu sebentar. Dia pergi ke begnya dan pulang dengan sebuah objek yang kecil dan berwarna hitam. “Ini adalah kamera pelancongan saya” Kithmi

**AKKI BERMAKSUD
‘KAKAK’ DALAM
BAHASA
SINHALESE.**

**NYATAKAN
BEBERAPA
PERATURAN DI
NEGARA ANDA. (INI
JUGA DIPANGGIL
UNDANG-UNDANG)**



menjelaskan. “Kamu boleh mengambil 12 keping gambar dengannya. Gunakan dengan bijak ya!”

SOALAN 2

ADAKAH SETIAP ORANG MENDAPAT KEWARGANEGARAAN SEKIRANYA MEREKA MENGAMALKAN KEBUDAYAAN, ADAT RESAM, DAN MEMATUHI PERATURAN DI NEGARA YANG MEREKA TINGGAL?

tengah dataran itu. Terdapat sebatang tiang di tengah air pancut tersebut, dan di atasnya ada sebuah arca seorang lelaki menunggang kuda yang besar. Seorang wanita pendek sedang duduk di atas dinding air pancut itu. Dia kelihatan sebaya dengan mak saya dan memakai sehelai tudung berwarna-warni seperti mak apabila kami pergi berjalan kaki

T'AVES BAXTALO BERMAKSUD ‘SELAMAT DATANG!’ DALAM BAHASA ROMANI. BOLEHKAH ANDA MENYELIDIK PERKATAAN ‘SELAMAT DATANG’ DALAM 5 BAHASA LAIN?



perempuan yang masih muda. Kezia tinggal di Makedonia sepanjang hidupnya, tetapi dia hanya tinggal di Skopje, ibu negaranya, sejak 10 tahun lalu. Orang Roma merupakan antara salah satu **kelompok minoriti** yang paling tua dan paling besar di Eropah katanya. Mereka menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian mereka. Ramai orang berniat jahat terhadap mereka dan menghina mereka. Saya terus teringat kepada kaum-kaum di Nepal yang menghadapi layanan buruk yang sama, contohnya orang **Dalit**.

Kezia sangat baik hati. Mungkin kerana dia faham perasaan orang yang menerima

~
Saya berada di sebuah dataran pusat bandar yang berhias. Terdapat arca di mana-mana sahaja. Jumlahnya mungkin lebih dari bilangan orang di situ! Arca-arca tersebut semuanya berbentuk seperti lelaki-lelaki berbadan besar dan berotot, menunggang kuda dan berlawan dengan pedang. Saya belum pernah nampak sesuatu seperti ini.

Syiling yang berada di tangan saya mempunyai tulisan dan angka di dalam bahasa yang saya tidak kenal. Di manakah saya?! Cahaya matahari sedang bersinar dan saya tertarik kepada air pancut yang terletak di

di dalam hutan berhampiran dengan rumah saya. Wanita itu berkata ‘**T’aves Baxtalo**’ kepada saya, dengan senyuman yang besar. Saya perasan yang dia tidak mempunyai beberapa batang gigi. “Selamat Datang ke Skopje, **Makedonia**”. Saya teringat saya pernah belajar tentang Makedonia di dalam kelas sejarah. Alexander Agung berasal dari sini! Mungkin itulah sebab ada banyak arca di sini!

Kezia memperkenalkan dirinya kepada saya. Dia adalah seorang wanita Romani dan mempunyai 3 orang anak lelaki dan 4 orang anak



layanan buruk. Dia berkata bahawa dia menghadapi cabaran untuk membuktikan keluarganya adalah dari negara di mana mereka dilahirkan.

“Kecuali anak bongsu saya, semua anak saya belum didaftar. Saya ada enam orang anak tanpa dokumen rasmi. Saya melahirkan anak bongsu saya di hospital, sebab itu dia telah didaftar. Yang lain saya lahirkan di rumah, sebab itu mereka tidak didaftar.”

“Kalau seorang anak saya jatuh sakit atau cedera, saya perlu merayu kepada doktor-doktor di hospital untuk merawat mereka secara percuma, kerana saya tidak ada wang untuk membayar bil hospital. Saya berasa kalau anak-anak saya ada sijil kelahiran, hospital akan melayan kami dengan lebih baik.”

Kezia berkata **pendaftaran kelahiran** adalah penting sebagai bukti bahawa anak-

ORANG DALIT DIANGGAP SEBAGAI KASTA YANG TERENDAH. SISTEM KASTA ADALAH SALAH SATU CARA UNTUK MEMBEZAKAN ANTARA PELBAGAI KUMPULAN. PADA ZAMAN DAHULU, KASTA ANDA BERDASARKAN KERJA ANDA. TETAPI SEKARANG, SISTEM INI LAZIM DIGUNAKAN UNTUK MELAYAN SESETENGAH ORANG SEBAGAI LEBIH PENTING DAN SESETENGAH ORANG SEBAGAI KURANG PENTING. PERKATAAN 'DALIT' BERMAKSUD 'TERTINDAS' DALAM BAHASA SANSKRIT. RAMAI ORANG DALIT MASIH DILAYAN DENGAN BURUK, WALAUPUN PERLAKUAN INI TELAH DIHARAMKAN.

KELOMPOK MINORITI MERUJUK KEPADA SEKUMPULAN ORANG YANG MEMPUNYAI PELBAGAI PERBEZAAN DARI KUMPULAN UTAMA DI SEBUAH NEGARA. PERBEZAAN INI TERMASUK PERBEZAAN DALAM ADAT RESAM, AGAMA, BAHASA IBUNDA, ASAL USUL, ATAUPUN WARNA KULIT MEREKA, DAN FAKTOR-FAKTOR LAIN. KADANGKALA, ORANG DARI KELOMPOK MINORITI DILAYAN DENGAN TIDAK BAIK TANPA SEBARANG SEBAB.

BILAKAH DAN DI MANAKAH ANDA DILAHIRKAN? ADAKAH KELAHIRAN ANDA DIDAFTR? TAHUKAH ANDA TEMPAT ATAU CARA INI DIBUAT?? MINTA IBU BAPA ANDA UNTUK MENUNJUKKAN SIJIL KELAHIRAN ANDA KEPADA ANDA. BAGAIMANAKAH RUPANYA DAN APAKAH YANG TERTULIS DI SITU?



anakny dilahirkan di Makedonia. Jika anak-anakny menjadi dewasa tanpa pendaftaran kelahiran, mereka mungkin tidak akan mendapat kewarganegaraan Makedonia. Dia memberitahu saya bahawa terdapat berjuta-juta kanak-kanak di seluruh dunia yang tidak dibenarkan mendapat kewarganegaraan. “Sekiranya tiada negara yang mengakui seseorang anak itu sebagai warganegarany, anak itu adalah **tanpa kewarganegaraan.**”

Saya berasa pening apabila mendengar perkataan ‘tanpa kewarganegaraan’ itu. Adakah Nikita dan saya seorang yang tanpa kewarganegaraan?

Tanpa kewarganegaraan?

Tanpa sebarang negara?

Adakah ini satu kemungkinan?

Kezia menjelaskan mengapa dia tidak pernah mempunyai kewarganegaraan Makedonia. “Mak saya tidak mampu membayar bil hospital selepas saya dilahirkan. Jadi, hospital itu tidak memberikan sijil kelahiran saya kepadanya. Kelahiran saya tidak pernah didaftar. Mungkin mak saya boleh menuntut kewarganegaraan saya di pejabat kerajaan- saya berharap ini dapat dilakukan. Tetapi, mak saya buta huruf, dan orang sepertiny amat takut untuk pergi ke tempat-tempat di mana pekerja-pekerjanya memakai baju yang mahal dan segar, dengan wajah-wajah yang serius. Sekarang saya memahami

perasaan itu. Saya juga buta huruf kerana tiada peluang untuk bersekolah, dan saya tidak ada keyakinan untuk menuntut hak saya daripada orang yang lebih berpendidikan dan lebih berkuasa berbanding saya.”

Kezia memberitahu saya bahawa kebanyakan ibu bapa mewariskan resipi turun temurun keluarga, atau kekayaan, atau rumah pusaka, tetapi dia hanya mampu mewariskan masa depan yang tidak menentu kepada anak-anakny. “Anak-anak saya akan mewarisi status tanpa kewarganegaraan daripada saya. Saya tidak boleh kerja kerana saya tidak mempunyai sekeping kad. Saya mengumpul botol plastik dan kadbod untuk mendapat wang. Sebagai seorang ibu, saya hanya hendak anak-anak saya memperolehi kewarganegaraan dan kehidupan yang lebih baik daripada saya.”

Semakin lama Kezia bercakap, semakin saya berasa sedih. Mata Kezia juga berair. Kezia mengeluarkan beberapa foto anak-anaknya dan menunjukkannya kepada saya. Saya mengambil gambar salah satu dari foto tersebut. Ia foto dua orang anak lelaki Kezia yang merenung terus ke arah kamera. Mereka kelihatan baik, dan mungkin sedikit nakal. Saya berasa jika kami bertemu, pasti kami akan menjadi kawan yang baik.



Beberapa lama kemudian, matahari sudah mula terbenam. Kezia memeluk saya dan mengucapkan selamat tinggal. Dia juga mengucapkan segala kejayaan kepada saya dan saya berjanji yang saya akan mengingati keluarganya dekat di hati.

Selepas saya menjumpa Kezia, saya berasa saya seorang tanpa kewarganegaraan. Adakah kelahiran saya didaftar? Adakah pendaftaran kelahiran saya cukup untuk membuktikan kewarganegaraan saya?

Sekarang, saya mengulangi ritual syiling yang sudah menjadi satu kebiasaan. Saya menggoyangkan dompet itu sebelum saya memilih sekeping syiling. Saya memikirkan

SOALAN 3

**ADAKAH SEKEPING
SIJIL KELAHIRAN FAKTOR
YANG MEMBERIKAN KAMU
KEWARGANEGARAAN?**

PULAU HISPANIOLA DIKONGSI OLEH DUA NEGARA: REPUBLIK DOMINIKAN DAN HAITI. IA TERLETAK DI CARIBBEAN DI ANTARA AMERIKA UTARA DAN SELATAN. SEJAK DEKAD 1930-AN, PENDUDUK HAITI DIGALAKKAN UNTUK MERENTAS SEMPADAN ITU UNTUK BEKERJA DI INDUSTRI MEMOTONG TEBU REPUBLIK TERSEBUT.



destinasi saya selanjutnya.



Satu wajah yang cantik, baik, dan mesra memandang saya. Namanya Rosa, dari **Republik Dominika**.

Di dalam tanganku adalah sekeping syiling 1 Peso. Kami sedang duduk di atas kerusi plastik putih di bawah sebatang pokok. Terdapat tiga orang gadis di sebelah saya. Rosa berkata mereka berumur sepuluh tahun, lapan tahun, dan tiga tahun. Mereka sedang bermain.

Saya menceritakan kepada mereka kisah hidup saya, dan kebimbangan saya menjadi seorang tanpa kewarganegaraan. Rosa memicit lutut saya sama seperti mak selalu lakukan. “Neha, saya sangat bangga untuk berkongsi kisah kami dengan kamu.

Mungkin pada masa depan nanti, kamu akan menceritakannya kepada orang lain. Kalau lebih ramai yang tahu tentang kami, orang yang telah dinafikan kewarganegaraan, saya akan berasa gembira.”

Rosa berkata dia pernah memiliki kewarganegaraan Republik Dominika, tetapi kewarganegaraannya ditarik balik beberapa tahun lalu. “Ya Neha, sesetengah orang



dilahirkan tanpa kewarganegaraan dan akan berjuang sepanjang hidupnya untuk suatu kewarganegaraan.

Tetapi, terdapat juga sesetengah orang, seperti saya, yang pernah ada kewarganegaraan tetapi ditarik balik.

Pada tahun 2013, kerajaan negara ini meluluskan sebuah undang-undang yang menghalang anak

atau cucu seorang pendatang Haiti dari menjadi warganegara Republik Dominika kecuali kalau

mereka boleh menunjukkan beberapa dokumen tertentu, walaupun mereka dilahirkan di Republik Dominika. Undang-undang yang lama, yang lebih baik, menyatakan sesiapa yang

dilahirkan di Republik Dominika akan memiliki kewarganegaraannya. Penukaran ini amat mengelirukan dan tidak adil.”

“Bapak saya pindah ke Republik Dominika dari Haiti semasa dia berumur sembilan belas tahun. Dia memotong tebu di ladang tebu dengan rajin, dan dia membina sebuah kehidupan yang baru untuk dirinya di sini. Bapak saya kenali ibu saya di sebuah parti tarian, dan akhirnya mereka berkahwin. Bapak saya adalah seorang bapa yang sangat penyayang, dan berusaha gigih untuk menjamin kami dapat bersekolah kerana dia tidak

pernah pergi sekolah. Hatinya memang akan dilukai kalau dia tahu saya dan cucunya tidak lagi diterima di sini, di tempat yang dianggap sebagai rumahnya. Hatinya akan terluka kalau dia dapat tahu bahawa cucunya tidak lagi dibenarkan bersekolah kerana mereka tiada kewarganegaraan. Setakat sekarang saya tidak dibenarkan untuk

mendaftar kelahiran anak bongsu saya! Apabila saya melahirkan anak saya di hospital, mereka

akan memberikan saya sijil lahir anak bongsu saya. Semalam, seorang yang kami tidak kenal

menyuruh anak sulung saya ‘kembali’ ke negaranya semasa kami menaiki bas. Air mata saya berlinang

apabila dia bertanya saya, ‘Mak, kenapa kami tidak diterima? Apakah kesalahan saya?’ Kami tidak membuat sebarang kesalahan, tetapi

terdapat banyak **diskriminasi** dan rasisme. Di Republik Dominika, orang keturunan Haiti dilayan dengan sangat buruk. Kami dianggap sebagai orang yang mempunyai kulit lebih

gelap, orang yang miskin dan kotor, orang pendatang yang tidak patut berada di negara ini. Hati saya sudah terluka mendengar kata-kata ini. Sepanjang kehidupan saya, saya adalah

orang Dominika. Inilah identiti saya. Saya tidak pernah pergi ke Haiti pun!”

“Apakah yang akan kamu lakukan?” saya tanya Rosa. Dia berhenti sejenak, matanya

SEORANG PENDATANG ADALAH SESEORANG YANG PINDAH KE SEBUAH NEGARA LAIN UNTUK TINGGAL DI NEGARA ITU.

DISKRIMINASI ADALAH APABILA SESEORANG ITU DILAYANI SECARA TIDAK ADIL KERANA ANDA BERPENDAPAT BAHAWA MEREKA BERGEZA DALAM SATU ASPEK. IA ADALAH SESUATU YANG TIDAK BAIK DAN SALAH UNTUK MENDISKRIMINASI ORANG LAIN, KERANA MEREKA BERASAL DARI MINORITI, ATAU MEREKA MEMPUNYAI KECACATAN ATAU KERANA MEREKA KAUM WANITA.



berkilau. Dia memandang sekejap ke arah anak-anaknya yang sedang bermain dan ketawa, dan bersenyum dengan bangga. “Kami akan terus berjuang untuk kewarganegaraan kami. Kami telah bermula dengan membuat filem dan teater untuk meningkatkan kesedaran tentang undang-undang tidak adil ini dan pengalaman kami sebagai orang tanpa kewarganegaraan. Kewarganegaraan kami adalah hak kami, dan kami akan terus membantah di jalanan sehingga suara kami didengar, dan sehingga kewarganegaraan kami dikembalikan.”

Rosa adalah seorang wanita yang berani, bijak, dan baik hati. Saya mengambil gambar anak-anaknya yang bermain dengan beberapa orang kanak-kanak lain. Mereka semua sangat istimewa. Saya mengikuti mereka bermain. Rosa memberi kami air kelapa yang segar untuk minum. Air kelapa itu sangat menyegarkan apabila diminum ketika cuaca panas.



Sebelum saya pergi, anak perempuan Rosa yang bernama Talia memberikan saya sekeping lukisan yang cantik. Lukisan itu dilukis di sehelai kertas yang berwarna merah jambu (lukisannya berada di sebelah).

Rosa menjelaskan. Di sebelah kiri, Talia menunjukkan perasaannya: “Saya berasa sangat sedih apabila mak dan adik-beradik saya keluar untuk mendapatkan sijil kelahiran kami, tetapi mereka pulang dengan tangan kosong. Jika saya tidak ada sehelai sijil kelahiran, saya tidak boleh bersekolah.”



Di sebelah kanan, dia menggambarkan dirinya sebagai “Permaisuri Malang” dengan kata-kata “Apabila saya ada sijil kelahiran, saya akan berasa gembira kerana saya dapat menghabiskan pendidikan saya.”

Saya berasa sangat marah kerana ramai kanak-kanak di seluruh dunia menghadapi cabaran seperti Talia. Bukan sahaja Nikita dan saya. Saya harus mempelajari dengan lebih mendalam tentang isu ini dan melakukan sesuatu untuk mengubah kehidupan mereka!

Ada yang boleh kehilangan kewarganegaraan mereka! Tidak masuk akal langsung! Anak-anak Rosa dapat pergi ke sekolah, sehinggalah tiba-tiba semuanya dirampas daripada mereka. Ini membuat saya berfikir...

Saya berada di sebuah taman besar. Terdapat banyak pokok, rumput, dan tanah. Taman ini memang sibuk! Saya periksa wang yang ada di tangan saya. Saya ada 10 Franc. Tetapi saya

SOALAN 4

APAKAH PERKARA YANG KANAK-KANAK TANPA KEWARGANEGARAAN TIDAK BOLEH LAKUKAN ATAU ALAMI?

SOALAN 5

MENGAPAKAH KADANGKALA ORANG YANG MEMPUNYAI KEWARGANEGARAAN HILANG KEWARGANEGARAANNYA?

tinggi mengelilingi kami, dan terdapat banyak rumah kecil yang berada di atas rumput hijau cerah. Dua orang kanak-kanak berlari melepasi kami kerana mereka sedang bermain

bukan berada di Perancis. Sebenarnya, Perancis tidak lagi menggunakan mata wang Franc, tetapi Euro. Namun begitu, mata wang **Ivory Coast**, sebuah negara yang dulu dijajah sebagai **tanah jajahan** Perancis, masih lagi dipanggil Franc.

Saya berkawan dengan seorang gadis yang bernama Grace. Dia mempunyai kulit yang gelap, hidung yang berbentuk seperti butang, dan rambutnya bertocang.

“Hai Neha, selamat datang ke Kampung SOS Kanak-Kanak, selamat datang ke tempat tinggal saya.”

Grace menunjukkan saya kawasan sekeliling rumah anak yatim tersebut. Pokok palma yang mungkin sedang membuat kerja sekolah.

“Saya tak tahu siapakah ibu bapa saya, tempat asal saya, ataupun tempat lahir saya. Saya rasa ibu bapa saya terpisah daripada saya selepas saya dilahirkan, dan seorang insan telah membawa saya ke sini. Waktu itu saya berumur 12 tahun rasanya, tetapi saya tak begitu pasti.”

Saya fikir Grace sangat cantik, jadi saya mengambil gambarnya:

Grace menjelaskan bahawa amat sukar bagi seseorang itu untuk mendapat kewarganegaraan di Ivory Coast jika ibu bapa mereka tiada dokumen rasmi. “Setiap orang mesti memberikan sijil kelahiran mereka dan sijil kewarganegaraan ibu atau bapa mereka untuk membuktikan kewarganegaraan mereka. Saya tak ada dokumen-dokumen itu Neha, dan saya tak dapat membuktikan bahawa ibu bapa saya adalah warganegara Ivory Coast. Saya adalah seorang anak pungut, saya pernah mendengar



IVORY COAST DAHULU JADI TANAH JAJAHAN PERANCIS. TANAH JAJAHAN ADALAH SEBUAH NEGARA YANG DITAKLUKI DAN DIJAJAH OLEH SEBUAH NEGARA YANG LAIN. SEMASA DI BAWAH JAJAHAN PERANCIS, TERDAPAT ORANG PERANCIS YANG BERMASTAUTIN DI IVORY COAST. PERANCIS JUGA MENJAJAH NEGARA JIRAN BURKINA FASO, DAN WARGA NEGARA TERSEBUT TERPAKSA BERHIJRAH KE IVORY COAST UNTUK BEKERJA DI LADANG-LADANG. SETELAH IVORY COAST MENJADI NEGARA MERDEKA PADA TAHUN 1960, RAMAI PEKERJA INI TERUS TINGGAL DI IVORY COAST.



ANAK PUNGUT ADALAH KANAK-KANAK YANG IBUBAPANYA TIDAK DAPAT DIKENAL PASTI. MEREKA TELAH 'DIPUNGUT' OLEH ORANG LAIN.

Abidjan, ibu negara Ivory Coast, dan juga negara-negara lain. Saya ingin menjadi Menteri Kewangan. Saya ingin menjadi seorang wanita yang berkuasa untuk menolong orang lain. Itu akan membuat saya gembira.”

SOALAN 6

MENGAPA NEGARA-NEGARA DUNIA TIDAK MAMPU MEMBERI KEWARGANEGARAAN KEPADA KANAK-KANAK YANG TIDAK MENGETAHUI TEMPAT LAHIR MEREKA ATAU MENGENALI IBU BAPA MEREKA?

Mukanya lembut, tetapi terdapat sebuah parut yang kelihatan dalam dan berbentuk seperti labu di bawah matanya. Saya tertanya-tanya apakah pengalamannya sehingga sekarang. Di atas kertasnya terdapat lukisan orang-orang yang sedang beratur bagi mendaftar untuk sekeping kad kewarganegaraan. Saya sangat suka lukisannya, dan saya mengambil gambar lukisan itu.

Saya juga mengambil gambar lukisan-lukisan cantik yang dilukis oleh kawan-kawannya.

Malik memberitahu saya bahawa dia juga tidak mengetahui siapa ibu bapanya. Dia tidak dapat mengingatinya mereka, oleh itu dia tidak dibenarkan untuk memiliki dokumen pengenalan.

Dengan sehelai kertas, saya turut serta melukis dengan mereka...

Pada penghujung hari, saya dan Grace berbaring di dalam sebuah buaian, yang asyik berayun. Kami sedang makan sebiji tembikai dan memeriksa lukisan masing-masing. Saya

orang dewasa kata saya juga seorang yang tanpa kewarganegaraan.”

“Kalau suatu hari saya tak lagi dibenarkan untuk terus bersekolah, saya akan berasa sangat kecewa,” kata Grace. Di Ivory Coast, orang tanpa kewarganegaraan tidak dibenarkan untuk membuat banyak perkara, seperti bekerja, membuka akaun bank, memiliki tanah, dan bergerak dengan bebas di dalam negara. “Saya ingin mengelilingi dunia” dia berkata, “Saya ingin teroka

Saya berfikir ... bukannya senang untuk mana-mana negara untuk menerima kanak-kanak sebagai warganegara, walaupun mereka tiada sijil lahir? Bukankah ia tidak munasabah untuk menafikan seseorang itu dari tempat tinggal mereka, hanya kerana sehelai kertas? Ke manakah kanak-kanak itu harus pergi? Apa yang negara-negara tersebut mahukan daripada mereka?

Saya dan Grace duduk bersama kanak-kanak yang saya temui sebentar tadi. Mereka membuat kerja di meja itu. Malik, salah seorang kanak-kanak lelaki di situ, memberikan saya sehelai kertas yang dia sedang gunakan untuk melukis.





meminta maaf kerana mengotori lukisannya secara tidak sengaja. Lukisannya terdapat banyak titik-titik yang kecil. Grace menyentuhi kertas itu dan menjelaskan maknanya kepada saya.

“Mungkin satu anak yang tiada kewarganegaraan boleh diterima, mungkin dia akan diambil oleh sebuah keluarga dan akan mendapat kewarganegaraannya. Tetapi lihatlah Neha! Semua titik-titik ini adalah golongan kita, terdapat beribu-ribu lagi bernasib sama seperti kita berdua. Anak-anak yang hilang di Ivory Coast. Negara ini adalah negara saya, negara kami. Saya ... kami tak pernah tinggal di tempat lain, dan saya mahukan negara ini akan menerima kami sebagai anaknya ini. Saya mampu berkhidmat untuk negara saya sekiranya saya diberi peluang, sekiranya saya dapat bersekolah dan bekerja. Kami mampu melakukan pelbagai kebaikan lagi untuk negara kami, saya sangat yakin kami boleh.”

Malam itu, kami tidur di bawah bintang-bintang di langit.



Saya terjaga di jalan yang gelap. Busuknya... ada lalat dan sampah di mana-mana sahaja. Sekarang waktu subuh. Cuacanya dingin pada masa ini, tetapi saya berasa tidak lama lagi akan panas. Setelah saya membiasakan diri dengan tahap cahaya yang ada dan persekitaran saya, terlihat seorang kanak-kanak sedang mengintai saya. Dia sangat kurus dan hanya memakai sehelai seluar pendek yang kelihatan usang. Dia malu-malu tetapi seperti ingin tahu.

“Helo” saya berkata. Dia senyum tetapi melarikan diri, jadi saya mengekorinya. Dia berlari sambil menendang sebiji botol lama, dan sedang saya mengekorinya, tiba-tiba dia menendang botol itu ke arah saya. Saya menendang botol tersebut kembali ke arahnya dan kami ketawa.

“Nama saya Neha, saya dari Nepal”.

Dia pandang ke bawah.

“Siapakah nama kamu? Kamu dari mana?”

Kesunyian. Tiada sambutan.

Saya cuba lagi. “Di manakah kita sekarang?”

“Kutapulong” katanya, dan selepas dia ternampak muka saya yang keliru dia menambah perkataan “Bangladesh”.

Saya lihat syiling yang saya pegang, ia sekeping Taka Bangladesh.



“Oh OK. Jadi kamu orang Bangladesh?”

Dia pandang ke bawah lagi dan menggelengkan kepalanya.

“Kamu dari mana?” saya tanya lagi.

“Myanmar”.

“Oh, kamu orang Myanmar?”

Sekali lagi dia menggelengkan kepalanya. “Kami dipanggil orang Bengali, dan kami dikatakan dari Bangladesh. Tetapi kami orang Rohingya yang berasal dari Myanmar. Itulah tanah air kami.”

“Jadi ... kenapa kamu semua tinggalkan negara kamu?” saya bertanya... selepas itu saya mula berasa sedih kerana saya rasa saya sudah tahu jawapannya.

“Kami dihalau dari rumah kami” katanya.

“Rumah kami dibakar, dan kami ditembak. Ia begitu mengerikan.”

Saya terperanjat, dan tidak mampu berkata-kata.

Mujurlah, dia terus bercakap. “Kampung kami sungguh indah. Tetapi segala-galanya telah menjadi abu. Saya mungkin tak akan pulang ke rumah saya lagi. Saya bimbang saya akan melupakannya, jadi setiap kali saya menutup mata, saya akan cuba mengingat kembali pemandangan dan segala bau-bauannya. Bagaimanakah seseorang yang tahu segala-galanya tentang sebuah tempat boleh menjadi orang asing di situ? Saya tak faham...”


Saya cuba untuk memahaminya. Adakah dia orang tanpa kewarganegaraan, atau tidak? Dan mengapakah dia dihalau dari tanah airnya? Adakah saya akan mengalami keadaan sebegitu juga?

Saya bertanya jika dia seorang sahaja yang telah melarikan diri. Dia menjemput saya mengikutnya, dan dia membawa saya ke sebuah taman. Pada saat itu saya menyedari bahawa kami berada di atas sebuah bukit kecil. Dia menunjuk ke arah bawah bukit tersebut. Terlihat satu lautan pondok-pondok dan khemah-khemah – sejauh mata saya memandang– semuanya penuh dengan orang. Mungkin terdapat berjuta-juta orang di situ!

“Sekarang ini adalah rumah kami” katanya, “kerana mereka kata kami bukan dari Myanmar”.

Saya berasa mata saya akan mula berair, tetapi saya tidak mahu dia berasa sedih, jadi

ORANG ROHINGYA MERUPAKAN SATU KUMPULAN MINORITI ETNIK YANG TINGGAL BERABAD-ABAD LAMANYA DI NEGARA MYANMAR. MYANMAR MERUPAKAN SEBUAH NEGARA PELBAGAI ETNIK, DAN PENDUDUKNYA ADALAH DARI PELBAGAI KUMPULAN ETNIK DAN AGAMA. TETAPI, RAMAI ORANG DI MYANMAR TIDAK MENERIMA ORANG ROHINGYA. MEREKA TIDAK DIIKTIRAF SEBAGAI WARGANEGARA MYANMAR – MEREKA ADALAH ORANG TANPA KEWARGANEGARAAN. ORANG ROHINGYA DILAYAN DENGAN SANGAT BURUK, MUNGKIN LEBIH BURUK DARIPADA SEMUA KUMPULAN ORANG TANPA KEWARGANEGARAAN LAIN DI DUNIA KITA. JUSTERU, BERATUS-RATUS RIBU ORANG ROHINGYA TELAH MELARIKAN DIRI DARI MYANMAR, KE BANGLADESH, MALAYSIA, THAILAND, INDIA, PAKISTAN, ARAB SAUDI DAN NEGARA-NEGARA LAIN.



QUESTION 7

APA AKAN TERJADI
KEPADA MEREKA YANG TANPA
KEWARGANEGARAAN, YANG
DILAYAN BEGITU BURUK
DI TANAH AIR MEREKA,
SEHINGGA MEREKA TERPAKSA
MELARIKAN DIRI?

saya memutuskan untuk menukar subjek. “Kamu suka bermain bola sepak?” saya bertanya. “Jom! Saya akan jadi penjaga gol!”

Kemudian, saya mengambil gambarnya. Senyumannya sungguh cantik.

Saya keluarkan buku nota saya dan mula menulis.

Selepas dia beredar, saya menyedari saya tidak tahu apa namanya. Dia seorang yang tanpa nama, seperti bangsanya yang bernama “Rohingya” yang tidak diiktiraf di negara mereka sendiri.

Saya berasa amat kasihan terhadap nasibnya. Saya

berharap saya dapat menemuinya lagi, untuk bertanyakan namanya.

Saya menutup mata saya, sambil membuka dompet dan mengeluarkan sekeping syiling...



Tanah di bawah kaki saya sedang bergoyang. Saya berasa loya. Selepas beberapa saat, saya sedar apa yang sedang berlaku. Saya berada di atas sebuah bot kayu yang panjang dan sedang bergoyang. Di sebelahnya adalah sebuah lagi bot, dan terdapat sebuah rumah kayu, dan sebuah lagi, dan sebuah lagi, dan sebuah lagi. Beberapa rumah dan bot disambungkan dengan papan kayu, tangga, dan jaring. Sekumpulan kanak-kanak didapati sedang berlari. Ia mengingatkan saya kepada kawasan setinggan di Kathmandu di mana beberapa ekor anjing kurus terbaring di sana-sini. Saya ada wang **Ringgit**, maksudnya saya sekarang berada di **Malaysia**! Saya tahu Malaysia pernah ada bangunan menara berkembar yang





tertinggi di dunia. Tetapi saya tidak tahu yang Malaysia mempunyai kampung yang terapung di laut! Hebatnya!


Sekumpulan kanak-kanak bergerak ke arah saya. Saya tersenyum dengan perasaan gementar dan berkata, “Saya tidak pandai berenang”. “Tak apa” kata salah seorang daripada kanak-kanak kumpulan itu yang berbaju T-shirt yang sudah koyak, dan sehelai seluar pendek, “kami adalah profesional.” Mereka semua ketawa. Seorang lagi kanak-kanak lelaki yang lebih tinggi berkata, “Kami adalah Penjaga Laut, dan kewajipan kami adalah untuk melindungi kamu.” Kanak-kanak yang lebih rendah, Aasif, menyerahkan sesuatu yang menyerupai sosej dan menyuruh saya cuba merasanya, “Ini timun laut”. Saya dapat menelan

SETINGGAN ADALAH NAMA UNTUK SEBUAH KAWASAN DI DALAM BANDAR DI MANA ORANG MISKIN TINGGAL. TEMPAT INI SANGAT USANG, SESAK DAN MUNGKIN TIDAK MEMPUNYAI KEMUDAHAN SEPERTI AIR ATAU TANDAS JADI IA BOLEH JADI SANGAT KOTOR.



MALAYSIA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA YANG TERLETAK DI ASIA TENGGARA. MALAYSIA TERBAHAGI KEPADA DUA KAWASAN YANG HAMPIR SERUPA, 'SEMENANJUNG MALAYSIA' DAN 'MALAYSIA TIMUR' YANG DIPISAHKAN OLEH LAUT CHINA SELATAN. MALAYSIA DAHULU DIJAJAH OLEH ORANG INGGERIS. MALAYSIA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA PELBAGAI ETNIK, AGAMA DAN BUDAYA. MAKANAN MALAYSIA ADALAH ANTARA TERBAIK DI SELURUH DUNIA!





sedikit sahaja, tetapi tidak mampu untuk menghabiskannya kerana perut saya sudah mula bergolak.

Aasif dan kawan-kawannya memberitahu saya bahawa mereka adalah orang **Bajau Laut**. “Kami tinggal di atas bot-bot ini, dan kami juga bekerja di sini”. “Eh, kamu semua bekerja di sini?” saya bertanya. “Ya. Kami harus menolong ibu bapa kami. Kami tidak pergi ke sekolah, jadi kadangkala kami pergi memancing ikan, atau menumbuk beras ataupun ubi kayu.”

Kemudian, saya mendapat tahu yang mereka tidak dibenarkan untuk bersekolah kerana mereka tidak diiktiraf sebagai warganegara di Malaysia.

Riki mempunyai senyuman yang besar dan rambutnya diikat dengan pambalut kapas. Dia memakai gaun yang terlalu besar. Dia memberitahu saya bahawa dia dan adik-beradiknya tidak pernah keluar dari negara ini, tetapi Malaysia masih tidak mahu mengiktiraf mereka sebagai warganegara.

“Kerajaan menggelar orang Bajau Laut sebagai orang Filipina” kata dia. “Jadi, takdir saya sudah diputuskan sebelum saya dilahirkan. Saya akan menjadi seorang yang tanpa kewarganegaraan. Saya telah mewarisi keadaan tanpa kewarganegaraan daripada ibu bapa saya, seperti mana mereka mewarisi status tanpa kewarganegaraan mereka dari ibu bapa mereka pula. Inilah pusaka keluarga saya”

Aasif menyerahkan sebatang joran kepada saya dan mengajar saya cara untuk menebarnya. Dia memberitahu saya bahawa sudah dua tahun dia tidak berjumpa dengan ayahnya, “Kerana ayah saya tidak ada sebarang dokumen pengenalan, dia ditangkap oleh polis. Saya pernah dengar mak kata ayah sekarang mungkin dalam penjara, tetapi saya dengar berita dari kawan-kawan saya bahawa kerajaan Malaysia telah cuba untuk menghantar pulang

BAJAU LAUT (JUGA DIKENALI SEBAGAI SAMA DILAUT) ADALAH SATU KOMUNITI YANG TINGGAL DI DALAM BOT DI SEPANJANG GARIS PANTAI NEGERI SABAH DI MALAYSIA TIMUR. MEREKA BERGANTUNG KEPADA LAUTAN SEBAGAI SUMBER MAKANAN DAN PEKERJAAN.



sesetengah dari mereka ke Filipina. Saya harap ayah tidak dihantar ke sana. Dia tak pernah tinggal di Filipina, dia tak kenal sesiapa pun di sana.”

Saya masih berasa mual, jadi kami pergi ke pantai. Riki menunjukkan cara dia menolong ibunya mengisar beras. Dia menggunakan sebatang palang kayu yang besar untuk menumbuk beras di dalam mangkuk yang terukir dari batu. Saya cuba menumbuk beras seperti Riki. Palang itu sangat berat! Hebatnya Riki yang mampu mengangkat palang tersebut. ini. Dia seorang gadis yang kuat. Saya terus mengambil gambarnya!

Pengembaraan ini memang menakjubkan. Saya tidak pernah tahu yang ada orang tinggal di rumah yang terapung di laut. Kanak-kanak yang saya temui di sini sangat menyeronokkan dan peramah. Tidak sangka yang mereka menghadapi satu kehidupan yang begitu susah; mereka tidak dibenarkan ke sekolah, mereka terpaksa bekerja dengan keras, dan ada ibu bapa mereka yang ditahan di penjara. Semuanya kerana mereka tanpa kewarganegaraan.

Sudah sampai masanya untuk saya pergi. Saya ucapkan selamat tinggal kepada kawan baharu saya, dan mengulangi upacara saya dengan syiling saya.



Apabila saya membuka mata, hidung saya dijamu bau manis buah pelaga dan nasi rebus. Saya berada di dalam dapur. Seorang wanita yang kurus dengan rambut coklat berkilat

dengan stail tocang Perancis sedang mengacau sebiji periuk dengan kuat. Empat biji periuk lagi duduk di atas dapur gas, sambil berbuih dan berwap. Wanita itu terus memasak dengan mahir; tangan dan matanya tidak sekali pun berhenti bergerak. “Sima, tolong ambil bawang itu untuk mak” katanya kepada seorang gadis yang sedang bermain dengan permainan papan di bilik sebelah.

Sima tidak mengendahkan ibunya dan menghampiri saya dengan permainan papannya. “Helo! Siapakah kamu?” Sekarang, saya mampu berkongsi pengalaman saya dengan cepat dan tepat... mereka berkumpul di sekeliling saya dan mendengar kisah diri saya. Saya berada di negara Jerman, berdasarkan syiling satu Euro saya. Saya masih ingat Lucas berkata dia dilahirkan di negara Jerman. Dia pasti gembira jika dia dapat tahu yang saya hampir kembali ke titik permulaan perjalanan saya.

“Neha” Sima berkata sambil ketawa. “Dalam bahasa Arab, Neha bermaksud cinta dan hujan! Pelik kan? Siapa yang cinta hujan?” Saya ketawa dengan kuat. Saya memberitahu dia bahawa dalam bahasa Nepal nama saya bermaksud bukan sahaja cinta dan hujan, tetapi juga mata. Sebenarnya, mak selalu memberitahu kami bahawa untuk dirinya, ‘Neha’ bermaksud ‘mata yang sungguh cantik’ dan ‘Nikita’ bermaksud ‘puteri pahlawan!’

Sima menjemput saya bermain “Tekka Siapa?” dengan dia sambil menunggu maknya habis memasak makan malam. Semasa saya cuba meneka kad Sima dengan bertanya soalannya atau tidak seperti “Adakah orang ini memakai cermin mata?”, dia memberitahu saya bahawa dia tidak begitu fasih dalam bahasa Arab, tetapi dia sedang cuba belajar. Dia biasanya berbahasa Kurdi, terutamanya dengan keluarganya di rumah. Dia sedang cuba untuk mempelajari bahasa Jerman dan bahasa Inggeris juga. Dia seorang peminat bahasa, dan dia meminta saya bertanyakan soalan “Tekka Siapa?” saya dalam bahasa Nepal.

Sima, ibu bapanya dan saya duduk di atas lantai di ruang tamu. Di depan kami ada banyak makanan lazat yang dimasak oleh Lorana, ibu Sima. Saya sudah lapar. Terdapat beberapa biji bebola adunan yang digoreng. Saya tidak pasti apakah intinya. Roti yang Lorana masak nampak sangat gebu, dan nasinya dihias dengan biji buah pelaga dan ada satu lapisan yang rangup di atas – saya tidak pernah lihat nasi yang dihidang begitu, tetapi saya teringin untuk mencubanya.

Sima dan keluarganya adalah orang Kurdi Syria yang tinggal di negara Jerman. Sambil



EURO ADALAH MATA WANG YANG DIGUNAKAN DI 23 BUAH NEGARA DI EROPAH. SETIAP NEGARA MEMPUNYAI CORAK MEREKA SENDIRI PADA SALAH SATU PERMUKAAN DUIT SYILING EURO MEREKA.

SELALUNYA NAMA SESEORANG ITU (TETAPI BUKAN SEMUA) MEMPUNYAI MAKNA YANG ISTIMEWA. PERNAHKAH ANDA Mencari maksud nama anda? APAKAH MAKNA NAMA ANDA DALAM BAHASA IBUNDA ANDA, DAN APAKAH MAKNANYA DALAM BAHASA YANG LAIN?

ORANG KURDI ADALAH SATU KUMPULAN ETNIK. DIANGGARKAN TERDAPAT 20-45 JUTA ORANG KURDI DI SELURUH DUNIA. BANGSA KURDI TELAH BERPECAH KE BANYAK NEGARA. OLEH ITU, DI MANA-MANA PUN MEREKA BERADA, MEREKA ADALAH MINORITI. RAMAI ORANG KURDI DI SYRIA TINGGAL DI BAHAGIAN UTARA DAN TIMUR LAUT SYRIA. ORANG KURDI SERING DILAYAN DENGAN BURUK, SEBELUM DAN SELEPAS PERANG SAUDARA DI SYRIA. MEREKA SUKAR UNTUK MENDAFTARKAN ANAK-ANAK MEREKA KE SEKOLAH JIKA MEREKA MEMPUNYAI NAMA KURDI, DAN MEREKA DIHALANG DARI MENERBIT BUKU YANG MENGGUNAKAN BAHASA KURDI.'



BANCI ADALAH SEBUAH PROJEK UNTUK MENGUMPUL MAKLUMAT PENTING TENTANG KESEMUA PENDUDUK DI SEBUAH NEGARA. BANCI LAZIMNYA DIJALANKAN SEKALI DALAM SEPULUH TAHUN, TETAPI DI BANYAK NEGARA, BANCI SUDAH LAMA TIDAK DIJALANKAN.

DOLMA ADALAH DAUN ANGGUR YANG DISUMBAT DENGAN NASI, PUDINA, LIMAU, GARAM, LADA, GULA, DAN REMPAH YANG LAIN (KADANGKALA DAGING DICAMPUR SEKALI).



kami makan, ayah Sima menjelaskan kepada saya: “Kami adalah orang **Kurdi**, saya dilahirkan di Syria, seperti isteri dan anak-anak saya, dan sebelum perang saudara bermula kami semua tinggal di situ. Tetapi, kami tiada kewarganegaraan Syria. Neha, kami adalah “**maktoum**”, ini bermakna kami tidak didaftar di Syria. Apabila banci dijalankan pada tahun 1962, ramai orang Kurdi Syria tidak didaftar. Waktu itu hubungan datuk saya dengan tuan rumah sewanya tidak baik, dan apabila pegawai banci melawat tuan rumah tersebut, Datuk saya tidak didaftarkan sekali. Pada saat itu, datuk saya telah menjadi orang tanpa kewarganegaraan dengan serta-merta dan sejak itu kami terpaksa mewarisi status tersebut dan mewariskannya kepada anak-anak kami.”

Lorana menambah lagi **dolma** ke pinggan saya, dan berkata “Kami telah menceritakan kisah kami kepada ramai orang. Penyelidik-penyelidik datang untuk mengumpul kisah-kisah kami dan berjanji untuk menerbit sebuah buku. Kami juga dirakam untuk satu dokumentari, tetapi kami belum ada peluang untuk menontonnya. Jika kamu menceritakan kisah kami Neha, tolong beritahu mereka semua yang mesej kami adalah untuk semua ibu bapa di luar sana. Saya minta para ibu untuk cuba bayangkan apa perasaan mereka apabila anak yang mereka lahirkan tidak didaftar di bawah nama mereka.”

Saya berasa sedih dan marah. Fikiran saya hanyut balik kepada mak. Tiba-tiba, saya bimbang akan mak. Adakah dia merindui saya? Berapa lama saya telah tiada di rumah? Tetapi saya mesti menjawab semua soalan saya!

Ayah Sima memegang tangan isterinya dan berkata “Kamu cuba sedaya upaya untuk anak-anak kamu, tetapi yang kamu masih tidak berkemampuan untuk memberi apa yang kanak-kanak lain dapat dari ibu bapa mereka. Perasaan ini

sangat teruk.”

Mereka menceritakan sedikit tentang kehidupan di negara Jerman, dan walaupun mereka boleh menghantar Sima ke sekolah, mereka masih sedang mencari “tempat tinggal” mereka. “Kami sudah berada di sini selama dua tahun, dan kami berharap untuk menjadi pemastautin tetap di negara ini.”

“Kami adalah pelarian disebabkan perang di Syria, tetapi kami juga tiada kewarganegaraan. Kalau kami balik ke Syria, adakah kami akan diterima? Syria tidak pernah menerima kami. Kami hanya boleh berharap bahawa Jerman akan menerima kami.”



Saya berada di sebuah taman yang besar. Terdapat ramai orang yang sedang menyanyi, menari, bermain dram, dan bergelak tertawa sesama mereka. Cuacanya panas, dan saya sedang berpeluh. Tempat ini penuh dengan kehidupan dan kebahagiaan. Saya membuka genggam tangan saya, syiling yang berada di tapak tangan saya adalah sekeping **Syiling** Kenya. Telah lama saya ingin melawati **Kenya**, baiknya nasib saya!

Suasana di sini amat menakjubkan. Seorang lelaki ternampak saya dan menjemput saya untuk sertai mereka yang sedang menari. “Selamat Datang kawan ku” katanya. “Jom sertai perayaan kami!”

Saya bertanya perayaan apa yang kita sedang raikan ini. Dia ketawa dan berkata “Kami telah diterima oleh negara kami. Kami adalah orang Makonde. Sebelum ini, kami adalah orang tanpa kewarganegaraan. Tetapi, kami berarak ke **Nairobi** untuk bertemu dengan presiden dan menuntut hak kami. Sekarang, kami adalah warganegara Kenya!”

Saya berasa kagum dan teruja. Dengan segera, saya fikir, ‘Kami mampu mencapai kejayaan.’

SEORANG PELARIAN ADALAH SESEORANG YANG CUBA MENDAPATKAN PERLINDUNGAN DI SEBUAH NEGARA LAIN. SEORANG PELARIAN TERPAKSA MENINGGALKAN NEGARA ASAL MEREKA OLEH SEBAB PELBAGAI PERKARA, CONTOHNYA, KEGANASAN DAN BAHAYA MENGANCAM KEHIDUPAN, KESELAMATAN, ATAU KEBEBASAN MEREKA.

SOALAN 8

JIKA SESEBUAH KERAJAAN ENGGAN MEMBERIKAN ANDA KEWARGANEGARAAN, ATAU PUN MENARIK BALIK KEWARGANEGARAAN ANDA, APAKAH YANG BOLEH ANDA LALUKAN UNTUK MENGUBAH KEADAAN ANDA?



KENYA ADALAH SEBUAH NEGARA MENAKJUBKAN YANG TERLETAK DI AFRIKA TIMUR. KENYA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG MEMPUNYAI PELBAGAI KUMPULAN ETNIK. KENYA PERNAH DIJAJAH OLEH NEGARA INGGERIS, DAN PADA MASA ITU, PENJAJAH INGGERIS MEMBAWA RAMAI ORANG DARI NEGARA-NEGARA JIRAN MASUK KE DALAM KENYA. RAMAI DARIPADA MEREKA MENGHADAPAI MASALAH KEWARGANEGARAAN SEHINGGA SEKARANG. NAIROBI ADALAH IBU NEGARA KENYA.



Saya meluangkan sedikit masa di taman itu, berbual dan bergembira dengan orang Makonde. Mereka memberitahu saya bahawa mereka dibawa ke Kenya dari Mozambique oleh penjajah Inggeris dahulu pada tahun 1936. Walaupun mereka telah tinggal di Kenya selama beberapa generasi, mereka masih dilayan seperti orang asing. Mereka dijanjikan kewarganegaraan beberapa kali, tetapi ini tidak pernah berlaku, dan mereka menghadapi pelbagai cabaran. Felistus, seorang wanita yang ramah, menceritakan kepada saya bahawa ibunya pernah terpaksa menyembunyikannya di atas sebatang pokok gajus untuk bersembunyi dari polis. Dahili, seorang pemain bola sepak yang ternampak sangat sihat, dia menceritakan bahawa dia terpaksa melepaskan satu peluang biasiswa untuk bermain bola sepak di Eropah kerana dia tiada sebarang dokumen pengenalan.

Salah satu daripada orang tua mereka, Thomas, berkata “Akhirnya, kami sedar yang kami berada di dalam keadaan terdesak. Kami terpaksa mencari orang yang boleh mengajar kami cara untuk mendapatkan kembali hak-hak kami.

Peter menambah, “Kami membuat keputusan untuk berarak ke Nairobi untuk bertemu dengan presiden Kenya. Kami telah mencuba semua proses undang-undang, tetapi tiada siapa yang boleh membantu kami. Kami berkumpul di Makongeni di kawasan pantai, dan memulakan perarakan kami selepas sembahyang.”

Orang Makonde berjalan 526 kilometer sehingga mereka sampai ke rumah presiden Kenya di Nairobi. Dalam perjalanannya, mereka menghadapi pelbagai cabaran. Mereka juga dihalang oleh pihak polis. Tetapi mereka terus berarak. Amina menunjukkan satu gambar dari perarakan itu. Hebatnya! Alangkah baiknya kalau saya boleh berada di situ untuk menyokong mereka!

Peter terus bercakap: “Selepas kami sampai di Nairobi, terdapat juga cabaran. Kami



disekat lagi oleh anggota polis yang bersenjata berat. Dengan semangat perpaduan dan solidariti dalam kumpulan kami, kami tidak berasa takut. Kami tidak melakukan apa-apa kesalahan kerana kami hanya berjuang untuk hak kami.”

Saya kagum dengan mereka ini, yang begitu berani dan luar biasa. Tetapi, yang paling menakutkan adalah president Kenya akhirnya bertemu dengan mereka, dan beliau meminta maaf daripada mereka kerana betapa lambatnya mereka, sebagai saudara senegara, memperolehi keadilan.

Kini, terdapat sekumpulan orang mengelilingi saya, dan mereka semua menceritakan perasaan masing-masing.

Sylvester, seorang lelaki yang tua, berkata “Kami telah lupa kesakitan kami. Sekarang, kami bersyukur dan gembira kerana kami telah menjadi warganegara Kenya.”

Amina menambah, “Walaupun saya tiada apa-apa, sekurang-kurangnya saya ada sekeping kad pengenalan. Sekarang saya boleh bernafas. Haaaaaaah.”

Hebatnya pengalaman ini. Saya rasa bertenaga dan bersemangat untuk berjuang demi hak-hak saya di Nepal. Saya tidak akan lupa kata-kata Peter sebelum berpisah: “Saya ada hak, dan saya akan berjaya kerana saya adalah seorang juara!”



Sebelum saya buka mata saya, saya sudah tahu di mana saya berada. Bunyi-bunyi jalan raya yang sibuk, dan hon yang berbunyi dari kereta, udara yang pekat dan berdebu, dan cahaya matahari yang membuat rambut hitam saya panas, kesemuanya amat serasi dengan diri saya. Inilah tempat tinggal saya!

Saya tidak sabar untuk bertemu kembali dengan mak, memeluknya, dan menceritakan kepadanya apa yang telah saya belajar tentang kewarganegaraan. Tetapi, apabila saya



membuka mata saya, saya sedar saya bukan berada di kampung saya. Saya berada di luar sebuah bangunan pejabat di **Kathmandu**, ibu negara Nepal.

Saya masuk ke dalam bangunan tersebut.

“Namaste **bahini**”, seorang wanita yang tinggi, berpakaian kemas dan sopan tunduk kepada saya. Saya membalas sapaanya, dengan menunduk dengan dua telapak tangan saya tercantum dan jari-jari menunjuk ke atas - ini adalah ucapan “Namaste” di Nepal. Sushma Gautam menyuruh saya untuk cepat masuk. Di dalam bilik menyambut tetamu, Lila, seorang wanita pendek yang memakai apron, dengan gelang tangan berwarna perak dan hidungnya bertindik, bertanya jika kami ingin meminum chiya.. Saya tidak sabar untuk menunggu kehadiran minuman tersebut kerana sudah lama saya jauh dari Nepal. Walaupun saya telah merasai banyak makanan dari seluruh dunia, rasa rempah dan perisa krim chiya bukan seperti minuman yang lain.

Kakak Sushma membawa saya ke pejabatnya; saya membaca risalah yang berada di mejanya – saya berada di sebuah organisasi yang membela untuk hak asasi wanita dan hak kewarganegaraan orang tanpa warganegara.

Kakak Sushma mengeluarkan komputer ribanya dan menunjukkan kepada saya satu gambar orang pemuda dan pemudi yang sedang memprotes di jalan raya Kathmandu. “Neha, kamu tahu bahawa setiap orang, lelaki atau perempuan, ada hak yang sama, kan?” Saya mengangguk dengan bertenaga.

“Di kebanyakan negara, lelaki dan perempuan dianggap sama rata, dan hak sama rata mereka dilindungi oleh sebuah perlembagaan,” katanya. “Walaubagaimanapun, realitinya mungkin bertentangan dengan apa yang tertulis. Setengah penduduk dunia kita terdiri daripada perempuan, tetapi di kebanyakan negara, kurang daripada separuh daripada penjawat awam adalah perempuan, kurang daripada setengah pekerja di bidang teknologi dan media adalah perempuan. Perempuan juga masih mendapat pendapatan kurang daripada lelaki, walaupun mereka melakukan kerja yang sama. Di rumah, lebih besar kemungkinan wanita

BAHINI BERMAKSUD ADIK DALAM BAHASA NEPAL, TETAPI IA JUGA DIGUNAKAN OLEH WANITA UNTUK MERUJUK KEPADA PEREMPUAN YANG LEBIH MUDA DARI MEREKA.

CHIYA, ATAUPUN CHAI, ADALAH SATU JENIS TEH YANG LAZIM DIMINUM DI ASIA SELATAN. IA DIBUAT DENGAN MEMBANCUH TEH HITAM, SUSU, DAN GULA DENGAN REMPAH SEPERTI KAYU MANIS, BUNGA CENKIH DAN HALIA.



PERLEMBAGAAN MERUPAKAN UNDANG-UNDANG DASAR DI SEBUAH NEGARA. DI KEBANYAKAN NEGARA, IA DIGUBAL DALAM SATU DOKUMEN, DAN IA MERANGKA CARA BAGAIMANA KITA MELAYAN MEREKA DI SEKELILING KITA, DAN PERATURAN-PERATURAN PENTING YANG LAIN



yang membuat tugas harian dan menjaga anak-anak – walaupun kedua-duanya bekerja sepenuh masa.”

Kakak Sushma terus berkata, “Di **25 buah negara**, seorang ibu masih tidak mempunyai hak sama rata untuk memberikan kewarganegaraannya kepada anak-anak mereka. Nepal adalah salah satu daripada negara-negara itu. Neha, sungguhpun ibu kamu telah membesarkan kamu dan Nikita seorang diri, dia masih perlu membuktikan siapakah ayah kamu dan membuktikan bahawa dia juga warganegara Nepal supaya kamu berdua layak mendapatkan kewarganegaraan Nepal. Banyak kakitangan awam masih melayan perempuan dengan buruk. Mereka tidak menghormati perempuan seperti mereka menghormati lelaki. Apabila ibu kamu pergi mendaftar Nikita di jabatan pendaftaran daerah, dia diberitahu bahawa dia mesti membawa ayah Nikita dengannya kerana ‘*anak-anak patut mendapat kewarganegaraannya daripada ayahnya.*’ Ini adalah salah, dan mereka tidak patut melayan ibu kamu sebegini.”

Tiba-tiba, saya sedar bahawa badan saya sedang

PERNAHKAH ANDA BERASA BAHAWA WANITA DILAYAN SANGAT BERBEZA DARIPADA LELAKI? ADAKAH WANITA MEMBUAT LEBIH TUGAS HARIAN, ATAU ADAKAH WANITA DIMINTA MEMBUAT PEKERJAAN YANG BERBEZA? APAKAH PENDAPAT ANDA?



mengeletar dengan perasaan marah. Saya mengingat teringat kepada pekerja biadap itu di pejabat kerajaan, hakim di mahkamah, dan cikgu di sekolah. Saya terfikir tentang segala apa yang mak lakukan untuk kami, hanya kerana negara kami berasa OK untuk melayan kaum perempuan dengan buruk. Saya terfikir tentang kawan-kawan saya di seluruh dunia yang juga sedang menderita kerana undang-undang tidak adil dan sikap yang buruk.

Saya bertanya Kakak Sushma jika saya akan membesar tanpa kewarganegaraan.

Dia berkata "Kami, sebagai peguam, telah berjaya membantu ramai orang yang berada di dalam keadaan seperti kamu. Kami akan menolong ibu kamu untuk membawa kes ini ke Mahkamah Agung supaya kamu dan Nikita mendapatkan kewarganegaraan Nepal, di bawah nama ibu kamu, yang memang hak kamu."

Saya berasa sangat emosional dan berterima kasih kepada wanita ini yang saya baru kenali. Saya membuat keputusan untuk menjadi seorang peguam juga, supaya saya mampu membantu orang lain mendapatkan kewarganegaraan berdasarkan hak mereka.

Kakak Sushma memberitahu saya bahawa orang-orang di dalam gambar itu terlibat dalam satu kumpulan bernama "Kewarganegaraan Di Atas Nama Ibu" dan mereka juga dinafikan peluang untuk mendapatkan mewarisi daripada ibu mereka. Kebanyakan mereka masih tidak ada peluang untuk bekerja selepas sekolah menengah, dan mereka yang mendapat pekerjaan kadangkala dilayan dengan buruk dan tidak dibayar gaji. Tanpa kewarganegaraan, mereka juga tidak dibenarkan untuk membeli kad SIM untuk telefon mereka. Kumpulan ini berusaha untuk membawa tekanan kepada kerajaan untuk mengubah undang-undang tersebut. Setiap hari Jumaat, mereka menganjurkan protes di luar pejabat kerajaan. Apabila saya kembali ke rumah, saya menulis sebuah pendapat akhir tentang pengalaman ini, yang menakjubkan, berpendidikan, berinspirasi, dan mengujakan:

Saya berasa seperti orang Nepal.

Saya dilahirkan di Nepal, saya menyambut semua pesta dan adat istiadat Nepal, dan saya mampu bercakap dengan bahasa Nepal dengan sempurna.

Tetapi, oleh kerana undang-undang dan sikap sesetengah orang di Nepal, saya dan Nikita tidak diterima sebagai warganegara Nepal. Tiada negara lain yang akan mengiktiraf saya sebagai warganegara, dan saya memang tidak mahu diiktiraf oleh negara lain (walaupun saya ingin melawat kesemua negara di dunia). Saya tidak pernah hidup di mana-mana negara lain. Ibu saya adalah warganegara Nepal, datuk dan nenek saya juga warganegara Nepal. Jika Nepal tidak mengiktiraf saya sebagai

warganegara, saya akan menjadi orang tanpa Kewarganegaraan.

Kewarganegaraan adalah sebuah konsep yang unik, bukan semua orang yang memahaminya. Kebanyakan orang mempunyai Kewarganegaraan, tetapi ada juga yang tidak.

Sebelum ini, saya fikir setiap orang mempunyai Kewarganegaraan, dan seseorang itu akan mendapat Kewarganegaraan mereka dari negara di mana mereka dilahirkan. Tetapi, saya sedar bahawa saya berbeza apabila mak mendapat tahu yang Nikita tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan akhir sekolahnya. Sekarang, saya tahu bahawa Kewarganegaraan, dan pengiktirafan rasmi seseorang sebagai warganegara dengan dokumen seperti sijil lahir, Kad pengenalan, dan pasport adalah sangat penting untuk kehidupan seseorang. Tanpa Kewarganegaraan, Kezia tidak dibenarkan membawa anak-anaknya ke hospital apabila mereka jatuh sakit, anak-anak Rosa tidak dibenarkan bersekolah dan tidak akan mendapat peluang untuk pekerjaan yang baik, Grace tidak akan dapat bercuti, Sima dan keluarganya mesti terus mencari sebuah negara yang akan menerima mereka, dan Kakak Nikita dan saya perlu menunggu sebelum mendapat tahu jika kami dibenarkan menghabiskan persekolahan kami.

Kita boleh, dan kita mesti mengubahkan keadaan ini. Orang-orang seperti Kakak Sushma sedang bekerja keras setiap hari untuk berjuang demi hak Kewarganegaraan semua. Ada usahanya yang telah berjaya. Ada juga yang akan mengambil masa yang lebih lama. Oleh itu, lebih ramai orang perlu menyertai perjuangan ini. Kita semua perlu melakukan sebaik yang boleh, supaya setiap Kanak-Kanak memiliki Kewarganegaraan mereka.

Saya berada di rumah sekarang, merenung ke dalam mata mak. Matanya berwarna hazelnut gelap seperti mata kakak. Mak memeluk saya, dengan lengannya yang kuat, dan tangannya yang lebar, mendatar; tapak tangannya kasar. Inilah tangan yang memasak semua hidangan untuk kami. Mak selalu memasak makanan dari pelbagai negara, sushi dari Jepun, samosa dari India, salad kentang dari Amerika. Mak memberikan segalanya

kepada kami, tetapi terdapat suatu yang dia tidak mampu berikan kepada kami.

Saya bercerita kepada ibu semua kisah yang telah saya pelajari dari setiap orang yang telah saya temui.

Mak senyap sahaja, air matanya mula mengalir.

Akhirnya, mak berkata “Tiada kewarganegaraan. Anak-anak saya tiada kewarganegaraan. Hanya kerana saya membesarkan kamu berdua seorang diri, tanpa ayah kamu. Hanya kerana saya membuat keputusan untuk mendidik kamu berdua menjadi orang yang baik. Saya warganegara Nepal, dan saya seorang ibu tunggal. Kerana saya seorang wanita, saya tidak berhak untuk mewariskan kewarganegaraan saya kepada anak-anak saya.”



Sudah beberapa minggu sejak pengembaraan saya. Saya menyelak kertas buku nota saya dan berasa kagum dengan gambar-gambar yang telah saya ambil. Saya menjadi kawan kepada ramai orang yang hebat, dan saya telah menulis surat kepada mereka semua. Mereka semua bersetuju dengan saya yang ia tidak masuk akal masih ada kanak-kanak dan orang dewasa yang tidak memiliki kewarganegaraan. Ini amat memudaratkan. Penyelesaiannya adalah sangat senang, jika semua orang dewasa bersetuju untuk memastikan semua orang memiliki kewarganegaraan.

Saya dan kawan-kawan saya di seluruh dunia bersetuju untuk berjuang bagi hak kewarganegaraan setiap orang di seluruh dunia. Kami akan terus belajar tentang apa yang perlu dibuat, dan berjuang untuk hak-hak kami dan keluarga kami. Kami akan terus berkongsi kisah-kisah kami supaya semua orang akan tahu kepentingan kewarganegaraan dan mengapa kita semua mesti menyelesaikan masalah ini. Kami harap anda akan bersama kami dalam perjuangan ini!



Dunia Tanpa



Pacific ocean

SAYA TAK PERCAYA
SAYA MELANCONG KE
BANYAK NEGARA. SAYA DAPAT
PETA DUNIA INI DAN MEWARNAKAN KESEMUA
NEGARA YANG TELAH SAYA PERGI DENGAN WARNA
MERAH. BOLEHKAH ANDA MENAMAKAN SEMUA
NEGARA INI? SYILING AJAIB SAYA BENAR-BENAR
MEMBAWA SAYA KE SELURUH DUNIA!

SEJAK PENGEMBARAAN SAYA, SAYA TELAH
BELAJAR BANYAK TENTANG KEWARGANEGARAAN.
SAYA TELAH MEWARNAI BEBERAPA NEGARA DI PETA
INI DENGAN WARNA KUNING, SEBAGAI TANDA YANG
NEGARA TERSEBUT MEMPUNYAI ISU BERKENAAN
'KEWARGANEGARAAN. BOLEHKAH ANDA NAMAKAN
KESEMUA NEGARA ITU? BOLEHKAH ANDA NYATAKAN
BEBERAPA NEGARA LAIN YANG JUGA MENGHADAPI ISU
YANG SAMA?

North
America

Atlantic
Ocean


South
America



Kewarganegaraan



Soalan-soalan Neha



INI ADALAH SOALAN-SOALAN
YANG TELAH SAYA CATAT
DI DALAM BUKU NOTA SAYA.
BOLEHKAH ANDA MENJAWAB
SOALAN-SOALAN SAYA?

SOALAN 1

APAKAH
KEWARGANEGARAAN?
ADAKAH SEMUA
ORANG MENDAPAT
KEWARGANEGARAAN DARI
NEGARA DI MANA MEREKA
TELAH DILAHIRKAN?

SOALAN 2

ADAKAH SETIAP
ORANG MENDAPAT
KEWARGANEGARAAN SEKIRANYA
MEREKA MENGAMALKAN
KEBUDAYAAN, ADAT RESAM,
DAN MEMATUHI PERATURAN DI
NEGARA DI MANA MEREKA
TINGGAL?

SOALAN 3

ADAKAH SEKEPING
SIJIL KELAHIRAN FAKTOR
YANG MEMBERIKAN ANDA
KEWARGANEGARAAN?

SOALAN 4

APAKAH PERKARA YANG
TIDAK DAPAT DILAKUKAN
OLEH KANAK-KANAK YANG
TIADA KEWARGANEGARAAN?

SOALAN 5

APAKAH SEBAB-SEBAB
KEWARGANEGARAAN
SESETENGAH ORANG ITU
TERLUCUT?

SOALAN 6

MENGAPAKAH
SEMUA NEGARA TIDAK
DAPAT MEMASTIKAN SEMUA
KANAK-KANAK MENDAPAT
KEWARGANEGARAAN, WALAUPUN
MEREKA TIDAK TAHU TEMPAT
LAHIR ATAU IBU BAPA
MEREKA?

SOALAN 7

APA AKAN TERJADI
KEPADA ORANG TANPA
KEWARGANEGARAAN YANG
DILAYANI DENGAN BEGITU
BURUK SEHINGGA MEREKA
TERPAKSA MELARIKAN DIRI
DARI TANAH AIR
MEREKA?

SOALAN 8

JIKA
SESEBUAH KERAJAAN
ENGGAN MEMBERIKAN
ANDA KEWARGANEGARAAN
ATAUPUN MENARIK BALIK
KEWARGANEGARAAN ANDA,
APAKAH YANG BOLEH ANDA
LAKUKAN UNTUK MENGUBAH
KEADAAN ANDA?

DALAM PENGEMBARAAN DAN KAJIAN SAYA, SAYA MENGENALI BEBERAPA ORANG PAKAR DALAM BIDANG KEWARGANEGARAAN. SAYA JUGA DAPAT MENYOAL BEBERAPA ORANG YANG MENYELIDIK ISU INI UNTUK MENJAWAB SOALAN-SOALAN SAYA. DI BAWAH ADALAH JAWAPAN-JAWAPAN MEREKA!

SOALAN 1

APAKAH KEWARGANEGARAAN? ADAKAH SEMUA ORANG MENDAPAT KEWARGANEGARAAN DARI NEGARA DI MANA MEREKA DILAHIRKAN?



Kewarganegaraan adalah seperti keahlian rasmi sesebuah negara. Seorang warganegara dapat berasa bahawa mereka adalah sebahagian daripada satu tempat dan satu masyarakat. Oleh kerana ini, orang ramai biasanya menyokong pasukan negaranya dalam pertandingan sukan seperti Sukan Olimpik ataupun Piala Dunia. Mereka berasa bahawa mereka adalah seorang ahli negara mereka, dan mereka mahukan kejayaan untuk negara mereka.

Di setiap negara terdapat peraturan-peraturan perlu dipatuhi sebelum seseorang itu boleh menjadi seorang ahli: peraturan-peraturan (ataupun undang-undang) yang menyatakan siapa yang layak

mendapat kewarganegaraan. Sesetengah negara memberikan kewarganegaraan kepada sesiapa yang dilahirkan di negara itu. Sesetengah negara memberikan kewarganegaraan kepada sesiapa yang mempunyai ibu atau bapa yang memiliki kewarganegaraan tersebut. Kebanyakan negara memberi kewarganegaraan kepada mereka yang telah bermastautin di negara tersebut dalam jangka masa yang lama, ataupun yang telah berkahwin dengan seorang yang sudah memiliki kewarganegaraan. Berdasarkan kaedah ini, kewarganegaraan seseorang itu diberikan melalui hubungan kukuh di antara mereka dengan negara tersebut

Terdapat satu dokumen yang sangat penting yang dipanggil **Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat**, dan pengisytiharan ini menyatakan hak asasi manusia setiap orang di seluruh dunia. Perisytiharan ini menyatakan bahawa **“Setiap orang berhak kepada suatu kewarganegaraan”**. Ini bermaksud bahawa undang-undang kewarganegaraan hendaklah adil, dan setiap orang hendaklah mendapatkan kewarganegaraan sesebuah negara. Tiada sesiapa yang patut hidup tidak mempunyai kewarganegaraan.

Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah negara yang mempunyai undang-undang yang tidak adil, seperti undang-undang yang melarang wanita dari mewariskan kewarganegaraannya kepada anak-anak mereka ataupun menafikan sesetengah minoriti etnik dari mendapat kewarganegaraan. Sesetengah negara mempunyai undang-undang yang baik, tetapi tidak diamalkan dengan betul. Oleh yang demikian, ramai lagi orang di dunia kita yang masih tidak mempunyai kewarganegaraan.

SOALAN 2

ADAKAH SETIAP ORANG MENDAPAT KEWARGANEGARAAN SEKIRANYA MEREKA MENGAMALKAN KEBUDAYAAN, ADAT RESAM, DAN PATUHI PERATURAN DI NEGARA DI MANA MEREKA TINGGAL?

Sepatutnya, setiap orang hendaklah mempunyai kewarganegaraan. Ini tidak berkaitan sepenuhnya (dan tidak patut dikaitkan) dengan sama ada mereka mengamalkan kebudayaan, adat resam, ataupun peraturan negara di mana mereka tinggal atau tidak.

Walaubagaimanapun, ini tidak selalu terjadi.

Kami menganggarkan sekurang-kurangnya 15 juta orang di seluruh dunia tidak mempunyai kewarganegaraan; tiada sesiapa yang tahu jumlah sebenar. Selalunya, seseorang yang tidak mempunyai kewarganegaraan, bukan kerana mereka telah melakukan kesalahan atau gagal mengamalkan kebudayaan, adat resam,


peraturan negara tersebut, atau berkaitan perkara-perkara tersebut.

Ia disebabkan oleh negara itu sendiri - kerana negara itu mempunyai undang-undang yang tidak adil, atau yang bermasalah, atau yang tidak dilaksanakan dengan tepat. Kadangkala, ada kesilapan yang terjadi. Tetapi, ada juga kes-kes yang disengajakan kerana sikap diskriminasi terhadap satu kaum.

SOALAN 3

ADAKAH SEHELAI
SIJIL LAHIR FAKTOR
YANG MEMBERIKAN ANDA
KEWARGANEGARAAN?

Sehelai sijil lahir bukan kewarganegaraan, ataupun bukti kewarganegaraan. Ramai kanak-kanak di seluruh dunia yang tiada sijil lahir, tetapi ada kewarganegaraan kerana mereka buktikan bahawa mereka ada kaitan dengan sebuah negara. Tetapi, sehelai sijil lahir adalah satu dokumen yang sangat penting: ia membuktikan butiran-butiran kelahiran seseorang, seperti tempat kelahiran, masa kelahiran, dan ibubapa seseorang. Biasanya, inilah maklumat yang akan membantu anda menetapkan kewarganegaraan seseorang (atau yang patut membantu). Oleh yang demikian, orang yang tiada sijil lahir menghadapi banyak lagi cabaran untuk membuktikan kewarganegaraannya. Sekarang, lihat gambar ini.



Ini adalah seorang kanak-kanak dari Serbia. Dia sedang memegang sehelai kertas yang paling penting di dunia baginya. Sebelum ayahnya meninggal dunia, dia memberikan kertas itu kepada kanak-kanak tersebut. Di atas kertas itu, ayahnya telah menulis nama

dan tarikh lahirnya dan adik-beradiknya. Kesemua kelahiran tujuh orang anaknya tidak didaftar. Tiada rekod rasmi kelahiran mereka, oleh itu mereka tidak mampu membuktikan bahawa mereka adalah warganegara Serbia. Jika kelahiran mereka didaftar, mereka mampu membuktikan hubungan mereka kepada negara itu.

SOALAN 4

APAKAH PERKARA YANG
TIDAK DAPAT DILAKUKAN
OLEH KANAK-KANAK YANG
TIADA KEWARGANEGARAAN?

Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat bukan sahaja melindungi hak kewarganegaraan setiap orang, tetapi dalam cara yang sama ia juga melindungi hak-hak yang lain juga. Sebuah lagi dokumen yang sangat penting – Konvensyen Hak Anak-anak (**Convention on the Rights of the Child, CRC**) – juga mengisytiharkan bagaimana untuk melayan dan melindungi kanak-kanak, dan hak asasi mereka. Mengikut konvensyen ini, setiap kanak-kanak berhak mempunyai kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, hak-hak lain kanak-kanak tanpa kewarganegaraan juga mesti dilindungi. Contohnya, mereka berhak untuk berada di sebuah persekitaran



yang selamat, untuk bersekolah, untuk dirawat oleh seorang doktor apabila mereka jatuh sakit, untuk bermain, untuk berada dengan keluarga mereka sendiri, dan tidak sekali-kali dipaksa bekerja.

Tetapi, kami telah belajar bahawa kanak-kanak tanpa kewarganegaraan tidak mampu membuat kesemua itu. Ini memang salah, melanggar hak asasi kanak-kanak dan mesti diubah.

Ramai kanak-kanak tanpa kewarganegaraan tidak dibenarkan bersekolah. Untuk yang dibenarkan bersekolah, mereka biasanya tidak dibenarkan menduduki peperiksaan sekolah. Apabila mereka jatuh sakit, mereka tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan doktor ataupun pergi ke hospital untuk rawatan. Kadangkala, mereka terpaksa bekerja, seperti kanak-kanak di dalam gambar di muka surat 53, dan ia kerja yang amat susah dan merbahaya bagi mereka.

Kehidupan seorang kanak-kanak tanpa kewarganegaraan bukan senang. Tidak sekali-kali isu ini menjadi kesalahan mereka, dan untuk mereka dilayan dengan buruk adalah sangat tidak adil.

SOALAN 5

**APAKAH SEBAB-SEBAB
KEWARGANEGARAAN
SESETENGAH ORANG ITU
DILUCUTKAN?**

Kita telah membaca kisah Rosa dan keluarganya di Republik Dominika yang telah hilang kewarganegaraannya, kerana undang-undang baharu yang tidak adil di negara tersebut telah diluluskan. Mereka merupakan kumpulan minoriti etnik, dan negara mereka memutuskan untuk melayan kumpulan itu dengan buruk. Kanak-kanak yang terkesan oleh undang-undang tidak adil ini, seperti di dalam gambar ini, mampu melihat keseluruhan masa hadapan mereka bertukar disebabkan mereka tidak diiktiraf sebagai warganegara mereka.

Terdapat juga negara-negara yang telah menarik balik kewarganegaraan sekumpulan minoriti etnik. Contohnya, Myanmar telah menarik balik kewarganegaraan orang Rohingya dan Syria telah menarik balik kewarganegaraan ramai Kurdi.

Satu lagi cara seseorang itu kehilangan kewarganegaraannya adalah apabila sebuah negara itu berbelah dua atau lebih dari itu. Kesatuan Soviet dahulu adalah negara yang terbesar di dunia. Tetapi, pada awal 1990an, Kesatuan Soviet berpecah kepada 15 buah negara yang baru. Orang yang pada masa itu warganegara Kesatuan Soviet, tiba-tiba terpaksa mendapatkan kewarganegaraan dari negara-negara baharu yang telah terbentuk di tempat tinggal mereka. Kebanyakan orang berjaya mendapatkan kewarganegaraan,



tetapi ada juga orang yang tidak mendapat kewarganegaraan sehingga kini, kerana setiap negara baharu mempunyai undang-undang mereka sendiri, dan sesetengah orang dinilai sebagai tidak layak untuk menerima kewarganegaraan.

Sesetengah negara juga telah memutuskan bahawa mereka boleh menarik balik kewarganegaraan dari seseorang yang telah disabitkan kesalahan yang berat. Contohnya, orang yang melibatkan diri dalam peperangan dengan negara sendiri, atau disabitkan dengan jenayah keganasan pegganas, boleh dilucut kewarganegaraannya. Penyelesaian untuk masalah-masalah sebegini memang sukar untuk sesebuah negara, tetapi jika seseorang itu telah melakukan sesuatu yang amat teruk, mereka patut dihukum mengikut undang-undang; seperti seseorang yang disabitkan dengan jenayah membunuh, dihukum mengikut undang-undang. Kewarganegaraan penjenayah itu tidak perlu ditarik balik, dan tiada bukti yang menyokong tindakan tersebut akan membuat negara itu lebih selamat. Terdapat juga masalah-masalah lain. Kadangkala, undang-undang yang sedia ada disalahgunakan, contohnya apabila sebuah kerajaan memutuskan untuk menarik balik kewarganegaraan golongan khusus seperti aktivis yang tidak melakukan apa-apa kesalahan. Di sesebuah negara, anak-anak kepada ibu bapa yang telah hilang kewarganegaraan akan hilang kewarganegaraan mereka.



SOALAN 6

**MENGAPAKAH
SEMUA NEGARA TIDAK
DAPAT MEMASTIKAN SEMUA
KANAK-KANAK MENDAPAT
KEWARGANEGARAAN,
WALAUPUN MEREKA TIDAK
TAHU TEMPAT LAHIR ATAU
IBU BAPA MEREKA?**

Setiap negara boleh dan hendaklah memastikan setiap kanak-kanak mempunyai kewarganegaraan, walaupun ibu bapa dan tempat lahir mereka tidak dapat dipastikan. Ini boleh dilaksanakan melalui perubahan-perubahan mudah kepada undang-undang kewarganegaraan negara tersebut. Contohnya, sebuah undang-undang boleh mengisytiharkan bahawa “Setiap kanak-kanak yang dijumpai ditinggalkan di mana-mana tempat di Sweden hendaklah dianggap sebagai seorang warganegara Sweden”. Ini adalah “perlindungan kewarganegaraan bagi kanak-kanak” – ia adalah sebuah undang-undang yang istimewa, dan

hanya diperlukan apabila seorang kanak-kanak tidak mendapat kewarganegaraan melalui undang-undang biasa. Malangnya, jumlah negara yang mempunyai undang-undang sebegini terlalu sedikit. Negara yang sudah ada undang-undang sebegini tertulis di dalam rang undang-undang mereka, jarang melaksanakannya pula.

Bayi di gambar ini dilahirkan di Malaysia, kepada ibubapa Rohingya yang tiada kewarganegaraan. Sekiranya Malaysia mewartakan undang-undang “perlindungan kewarganegaraan kanak-kanak” - untuk menjamin kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia, yang tiada kewarganegaraan - bayi ini akan menerima kewarganegaraan Malaysia. Malaysia tidak mewartakan undang-undang sebegini, oleh demikian bayi ini akan terus membesar tanpa kewarganegaraannya.’



SOALAN 7

APA AKAN TERJADI
KEPADA ORANG TANPA
KEWARGANEGARAAN YANG
DILAYAN DENGAN BEGITU
BURUK SEHINGGA MEREKA
TERPAKSA MELARIKAN DIRI
DARI TANAH AIR MEREKA?

Apabila suatu kumpulan orang dilayan dengan buruk, dan nyawa mereka diancam kerana paras rupa mereka, agama mereka, atau kepercayaan mereka; ini dipanggil **penindasan**. Kadangkala, penindasan terhadap sekumpulan orang itu berdasarkan sebab yang sama mereka dinafikan kewarganegaraan. Ramai orang yang ditindas terpaksa melarikan diri dan tinggalkan rumah dan barang-barang kepunyaan mereka. Untuk melarikan diri sebegitu adalah sangat sukar, dan sangat menyedihkan.

Apabila mereka melarikan diri ke sebuah negara baharu untuk mendapatkan keselamatan, mereka menjadi pelarian – seperti gadis di dalam gambar ini yang sedang melintasi perbatasan Myanmar untuk memasuki Bangladesh.

Mereka yang meninggalkan segala-galanya, harta dan kenalan mereka, untuk pergi ke negara baharu yang penuh dengan orang yang mereka tidak kenali dengan bahasa yang mereka tidak faham; ia perlukan tahap keberanian dan ketabahan hati yang amat tinggi.



Perkataan “pelarian” di dalam Bahasa Inggeris, “Refugee” datang dari akar kata “Refuge” yang bermakna mencari tempat berlindung dari apa-apa penindasan. Oleh itu pelarian itu bermaksud “seseorang yang telah meninggalkan negaranya untuk melarikan diri dari penindasan”.

Seluruh dunia telah bersetuju bahawa penindasan terhadap siapa-siapa pun adalah salah, dan melindungi pelarian adalah tindakan yang tepat dan penting. Tetapi, banyak lagi kerja diperlukan, untuk mengajar orang ramai supaya menghormati satu sama lain, berbincang dengan satu sama lain, dan tidak mencederakan satu sama lain. Oleh itu, kita perlu memastikan golongan yang dianiaya dan yang perlukan perlindungan dari penganiayaan, akan menerima perlindungan tersebut. Kita semua boleh membantu golongan pelarian supaya mereka berasa diterima dan selamat.

SOALAN 8

JIKA SESEBUAH KERAJAAN ENGGAN MEMBERIKAN ANDA KEWARGANEGARAAN, ATAUPUN MENARIK BALIK KEWARGANEGARAAN ANDA, APAKAH YANG BOLEH ANDA LAKUKAN UNTUK MENGUBAH KEADAAN ANDA?

Jika negara anda tidak mengiktiraf kewarganegaraan anda, ataupun menarik balik kewarganegaraan anda, terdapat beberapa tindakan yang anda boleh lakukan untuk mengubah keadaan anda. Di kebanyakan negara, dengan bantuan peguam, anda mampu meminta bantuan mahkamah untuk memutuskan sama ada anda telah dilayan dengan adil atau tidak. Ini mungkin mampu menolong anda untuk mencari suatu penyelesaian bagi masalah anda. Tetapi, jika undang-undang tersebut adalah tidak adil, mahkamah mungkin tidak mampu menolong anda. Dan ini akan menyukarkan lagi perjuangan anda. Walau bagaimanapun, terdapat ramai orang

di seluruh dunia yang berjuang untuk hak kewarganegaraan. Mereka sedang berkempen, bertemu dengan para pemimpin, berprotes, dan banyak lagi perkara yang penting dan menarik untuk mengubah keadaan ini. Seperti kempen orang Makonde, kejayaan mampu dicapai. Tetapi ia juga mungkin memerlukan kerja keras dan jangka masa yang panjang!

Gambar di muka surat bertentangan mempunyai beberapa orang lelaki yang sedang membantah di Kuwait. Mereka orang Bidoon. Mereka berhak kepada kewarganegaraan Kuwait dan sudah beberapa tahun mereka berjuang untuk mendapatkan hak ini.

Citizen ship
Only...



Persoalan Kanak-Kanak



SEMASA SAYA BELAJAR TENTANG TANPA KEWARGANEGARAAN DI SELURUH DUNIA DAN BERKAWAN DENGAN RAMAI LAGI REMAJA TANPA KEWARGANEGARAAN, SAYA MULA MENERIMA SOALAN DARIPADA MEREKA. KEBANYAKAN SOALAN MEREKA AGAK SUKAR UNTUK SAYA JAWAB. MEREKA BENAR-BENAR BUAT SAYA BERFIKIR. SESETENGAH SOALAN MEREKA JUGA MEMBUAT SAYA BERASA MARAH, KERANA HARI INI KANAK-KANAK TERPAKSA BERTANYA SOALAN TENTANG KEHIDUPAN MEREKA. BAGAIMANA ANDA MENJAWAB SOALAN INI?

Mengapakah saya tiada kewarganegaraan, walaupun saya dilahirkan di negara ini?
– (*Bakhrom, berumur 14 tahun, Kyrgyzstan*)



Mengapakah saya, sebagai generasi kedua yang dilahirkan di Madagaskar dan tiada sebarang kaitan dengan negara lain, tiada kewarganegaraan Madagaskar?– (*Mohamed, berumur 14 tahun, Madagaskar*)

Adakah saya nampak berbeza dari setiap orang di sini? Bagaimanakah saya mahu bertanya, bila segala perancangan masa depan saya berakhir dengan persoalan-persoalan yang tiada penghujung?
– (*Subhashini, berumur 12 tahun, Malaysia*)



Tanpa Kewarganegaraan



Mengapakah adik dan abang saya mempunyai dokumen, tetapi saya (seperti banyak lagi gadis lain) tiada?
- (Zalina, berumur 19 tahun, Tajikistan)

Berapa lamakah perlu saya tunggu untuk menerima hak sama rata seperti orang lain? Saya telah berjuang untuk hak ini hampir seumur hidup saya.
- (Phra, Thailand)



Apakah akan berlaku jika saya tidak dibenarkan melanjutkan pendidikan saya?
- (Sheellin, berumur 15 tahun, Malaysia)

Tiadakah sesiapa yang peduli tentang kami?
Berapa lama lagi perlu saya tunggu?
- (Andrew, Afrika Selatan)



SETIAP ORANG MEMPUNYAI HAK ASASI MANUSIA. KITA SEMUA ADA HAK INI KERANA KITA ADALAH MANUSIA. DAN SETIAP ORANG ADA MARUAH, YANG SAMA RATA DAN HARUS BEBAS. INI BERMAKSUD BAHAWA TIADA SESIAPA YANG MAMPU MERAMPAS HAK KITA. SETIAP ORANG MESTI MENGHORMATI HAK KITA, DAN KITA MESTI MENGHORMATI HAK ORANG LAIN.

Kenali Hak Anda!

SEKARANG, SAYA TAHU BAHAWA SETIAP ORANG DI SELURUH DUNIA MEMPUNYAI HAK, DARI SETIAP BAYI YANG BARU LAHIR KE SETIAP WARGA EMAS.

SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA, NEGARA-NEGARA DI SELURUH DUNIA MEMBANGUNKAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB, ATAU PUN UN). MELALUI PBB, MEREKA CUBA UNTUK MEMASTIKAN KITA SEMUA DAPAT HIDUP DENGAN AMAN DAN TENANG, DAN TIADA SESIAPA PERLU MENGALAMI MUSIBAH PEPERANGAN LAGI.

PADA 10 HB DISEMBER 1948, PBB TELAH BERSETUJU UNTUK MENGELUARKAN SATU DOKUMEN PENTING YANG DIPANGGIL PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT. DOKUMEN INI MENGISYTIHARKAN SEMUA ORANG DI SELURUH DUNIA MEMPUNYAI HAK YANG ASAS, TANPA MENGIRA SIAPA MEREKA DAN DI MANA MEREKA TINGGAL. SEJAK ITU, LEBIH BANYAK PERSETUJUAN TELAH DIBUAT UNTUK MEMPROMOSI DAN MELINDUNGI HAK-HAK ASASI MANUSIA BAGI SEMUA. WALAU BAGAIMANAPUN, SEHINGGA KINI, PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT MASIH DIKTIRAF SEBAGAI ASAS HAK ASASI MANUSIA. SETIAP TAHUN PADA 10 HB DISEMBER DIRAIKAN SEBAGAI HARI HAK ASASI MANUSIA SEDUNIA.

SAYA PASTI ANDA AKAN BERSETUJU BAHAWA KANAK-KANAK ADALAH ORANG YANG PALING PENTING DI DUNIA. OLEH ITU, MEREKA SANGAT MEMERLUKAN PERLINDUNGAN DAN PENJAGAAN. OLEH YANG DEMIKIAN, PADA TAHUN 1989, KONVENSYEN HAK KANAK-KANAK (CONVENTION ON THE RIGHTS OF THE CHILD, CRC) DITERBITKAN. KONVENSYEN INI MENGISYTIHARKAN BAHAWA "SETIAP

KANAK-KANAK DILAHIRKAN BEBAS DAN BERTARAF SAMA RATA" DAN JUGA MENGISYTIHARKAN SETIAP KANAK-KANAK MEMPUNYAI HAK-HAK ISTIMEWA. SETIAP NEGARA, KECUALI SATU, TELAH BERSETUJU MENANDAT ANGANI KONVENSYEN INI, DAN TELAH BERJANJI UNTUK MELINDUNGI HAK YANG TERKANDUNG DI DALAMNYA.



Berikut adalah hak asasi yang anda miliki sebagai seorang kanak-kanak dan bagi kanak-kanak lain:

Setiap kanak-kanak bertaraf sama rata dan mempunyai hak-hak berikut. Anda tidak patut menerima layanan yang teruk ataupun tidak adil kerana paras rupa anda, kepercayaan anda, tempat tinggal anda, bahasa yang anda gunakan untuk bertutur, kekayaan anda, sama ada anda orang kurang upaya atau tidak, gender anda; dan ibu bapa atau penjaga anda.



Setiap orang dewasa dan setiap negara perlu melakukan apa yang terbaik untuk anda dan setiap kanak-kanak lain.



Me



My Name



My Family




My Nationality



My Personality

Anda berhak mempunyai identiti sendiri, nama, kewarganegaraan, dan mengetahui siapa ibu bapa dan keluarga anda. Tiada sesiapa yang patut menafikan hak ini daripada diri anda. Tiada seorang kanak-kanak yang patut dinafikan kewarganegaraan.



Anda berhak untuk tinggal bersama keluarga anda ataupun penjaga anda.



Anda berhak untuk mengatakan apa yang anda percayai. Semua orang patut mendengar apabila anda bercakap.



Anda berhak untuk mengalami perkara-perkara baru, menimba ilmu, dan menjelajah.

Anda berhak untuk
mendapat keselamatan
dan untuk dilindungi
daripada bahaya.



Anda berhak
untuk mendapat
rawatan kesihatan
yang sebaik
mungkin.





Anda berhak
mendapat
makanan
yang
berkhasiat,
baju untuk
dipakai,
dan sebuah
rumah yang
selamat
untuk
berteduh.



Anda berhak
bersekolah
dan menerima
pendidikan.



Anda berhak untuk bermain-
main dan juga berehat.



Anda tidak patut dipaksa untuk bekerja
dalam bidang yang membahayakan
diri anda atau yang menghalang
pembelajaran anda.



Anda tidak sepatutnya dilayan dengan buruk, ataupun dihukum melalui cara yang berbahaya dan kejam.



Sekiranya anda menjadi pelarian, anda berhak untuk mendapat pertolongan istimewa.

SEPERTI YANG ANDA LIHAT, HAK KEWARGANEGARAAN ADALAH ANTARA SALAH SATU HAK YANG SETIAP KANAK-KANAK HARUS ADA. KANAK-KANAK TANPA KEWARGANEGARAAN SERING DILAYAN DENGAN TERUK APABILA HAK-HAK LAIN MEREKA JUGA HILANG. INI BERMaksud MEREKA DIHUKUM DUA KALI - PERTAMA: DINAFIKAN HAK KEWARGANEGARAAN MEREKA, KEDUA: DENAFIKAN HAK MEREKA YANG LAIN. SEKIRANYA HAK ASASI ANDA TIDAK DIHORMATI, TERDAPAT PELBAGAI TINDAKAN YANG BOLEH ANDA AMBIL UNTUK MENDAPAT SEMULA HAK ANDA. ANDA BOLEH BERCAKAP TENTANG MASALAH ANDA DENGAN ORANG-ORANG YANG DIPERCAYAI, CONTOHNYA IBU BAPA, ATAU GURU, ATAUPUN KAWAN-KAWAN ANDA. DENGAN BANTUAN MEREKA, SEKIRANYA IA ADALAH MASALAH YANG SERIUS, ANDA MUNGKIN BOLEH BERJUMPA DENGAN ORGANISASI HAK ASASI ATAUPUN PEGUAM. BANYAK ORGANISASI HAK ASASI YANG BERUSAHA UNTUK MELINDUNGI HAK ASASI KANAK-KANAK. MEREKA MEMBANTU KANAK-KANAK, MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG ISU-ISU MEREKA, BERKEMPEN UNTUK PERUBAHAN, DAN MELAWAN AMALAN, KEPUTUSAN, DAN UNDANG-UNDANG YANG TERUK. ANDA BOLEH MEMBUAT ADUAN KEPADA MAHKAMAH DAN MEMOHON HAKIM UNTUK MEMUTUSKAN SUPAYA ANDA DILAYAN DENGAN CARA YANG SEPATUTNYA. TERDAPAT SATU JAWATANKUASA ISTIMEWA PBB YANG TERDIRI DARIPADA PAKAR DAN DITUGASKAN MEMERHATI APAKAH YANG NEGARA-NEGARA LAKUKAN UNTUK MELINDUNGI HAK ASASI KANAK-KANAK: JAWATANKUASA HAK ASASI KANAK-KANAK (COMMITTEE ON THE RIGHTS OF THE CHILD). JAWATANKUASA INI BERBINCANG DENGAN KERAJAAN DARI PELBAGAI NEGARA UNTUK MENAMBAH BAIK LAYANAN KEPADA KANAK-KANAK. JAWATANKUASA INI JUGA MENERIMA ADUAN DARI KANAK-KANAK SEKIRANYA SITUASINYA SANGAT BURUK, MEREKA AKAN MENAWARKAN PENYELESAIAN. SESIAPA SAHAJA - TERUTAMANYA KANAK-KANAK - YANG BERASA BAHAWA NEGARA MEREKA SEDANG MELAYAN KANAK-KANAK DENGAN TERUK, BOLEH TERUS BERBINCANG DENGAN JAWATANKUASA INI DAN MEMINTA PENDAPAT.

JIKA KITA SEMUA TAHU HAK KITA, KITA SEMUA BOLEH MELINDUNGI SATU SAMA LAIN DENGAN LEBIH BAIK!



Renungan Neha

MELALUI PERJALANAN SAYA, BUKU-BUKU YANG SAYA TELAH BACA, DAN BERBINCANG DENGAN PAKAR, SAYA TELAH BELAJAR BANYAK TENTANG ISU TANPA KEWARGANEGARAAN. IA TERLAMPAU BANYAK DAN KADANG KALA, IA BOLEH JADI RUMIT. JADI, SAYA TELAH TULIS SEMUA YANG SAYA TAHU DI SINI SUPAYA SAYA BOLEH MEMAHAMINYA. SAYA BERHARAP ANDA JUGA AKAN MEMAHAMINYA!

**Setiap orang berhak mendapat kewarganegaraan.
Tanpa mengira siapa kamu!**

Tetapi, negara boleh menentukan sendiri undang-undangnya untuk memberikan kewarganegaraan. Undang-undang ini biasanya berdasarkan hubungan kuat seseorang kepada sesebuah negara kerana...

- ❁ Mereka dilahirkan di negara tersebut
- ❁ Ibu bapa adalah warganegara negara tersebut
- ❁ Mereka tinggal dan bekerja di negara tersebut
- ❁ Mereka berkahwin dengan seorang warganegara atau diambil sebagai anak angkat oleh seorang warganegara

Sesetengah negara ada undang-undang yang tidak adil, ataupun tidak mengaplikasikan undang-undang dengan betul. Justeru itu...

- ❁ Orang yang patut menerima kewarganegaraan tidak diberi kewarganegaraan.
- ❁ Orang yang patut ada kewarganegaraan tidak boleh membuktikannya.
- ❁ Orang yang ada kewarganegaraan boleh hilang kewarganegaraan mereka.



Kewarganegaraan

GRACE DAN MALIK TIDAK ADA

RIKI DAN AASIF TIDAK ADA

ROSA DAN KANAK-KANAKNYA PERNAH ADA

KANAK-KANAK KEZIA HARUS ADA

NIKITA DAN SAYA TIDAK ADA

KANAK-KANAK ROHINGYA TIDAK ADA

ORANG MAKONDE TIDAK ADA

SIMA DAN KELUARGANYA TIDAK ADA

KERANA MEREKA DIBAWA KE KENYA OLEH ORANG INGGERIS, TETAPI MEREKA TIDAK DITERIMA OLEH KENYA

OLEH KERANA DATUK MOYANGNYA TIDAK MAMPU MENDAFTAR DIRINYA SEMASA BANCI KEBANGSAAN

TETAPI TANPA SIJIL LAHIR, MEREKA TIDAK MAMPU MEMBUKTIKANNYA

KERANA NEGARA SAYA TIDAK MEMBENARKAN IBU SAYA UNTUK MEWARISKAN KEWARGANEGARAANYA KEPADA KAMI

KERANA KOMUNITI MEREKA DITOLAK OLEH NEGARA MEREKA

KERANA MEREKA TIDAK MAMPU MEMBUKTIKAN IDENTITI IBU BAPA MEREKA

KERANA MASYARAKAT MENGANGGAP MEREKA SEBAGAI ORANG ASING

TETAPI IA DITARIK BALIK

ORANG YANG TIADA KERAKYATAN BAGI MANA-MANA NEGARA ADALAH ORANG **TANPA KEWARGANEGARAAN**. HAK KEWARGANEGARAANNYA TELAH DINAFIKAN. **SETIAP ORANG MEMPUNYAI HAK ASASI SEBAGAI MANUSIA**. ORANG YANG HILANG HAK KEWARGANEGARAAN MEREKA TIDAK PATUT KEHILANGAN HAK-HAK LAIN.

WALAU BAGAIMANAPUN, KEBANYAKAN NEGARA MELAYAN ORANG TANPA KEWARGANEGARAAN DENGAN TERUK. MEREKA DIDISKRIMINASIKAN DAN HAK MEREKA DINAFIKAN.



- ANAK-ANAK ROSA TIDAK DIBENARKAN BERSEKOLAH
- ANAK-ANAK KEZIA TIDAK MAMPU PERGI KE HOSPITAL
- RIKI DAN AASIF TERPAKSA BEKERJA SEPERTI ORANG DEWASA
- AYAH AASIF DIMASUKKAN KE DALAM PENJARA, DAN MUNGKIN TELAH DIHANTAR KE NEGARA LAIN
- DAHILI TIDAK MAMPU BERMAIN BOLA SEPAK DI LUAR NEGARA
- ORANG ROHINGYA DITINDAS

OLEH ITU, KITA SEMUA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA:

- KITA BERJUANG UNTUK HAK KEWARGANEGARAAN SETIAP ORANG.
- KITA MELINDUNGI HAK ASASI MANUSIA SETIAP ORANG TANPA KEWARGANEGARAAN

KITA SEMUA BOLEH MEMBANTU MELALUI:

- MEMASTIKAN SETIAP KANAK-KANAK MENERIMA SIJIL KELAHIRAN
- MEMASTIKAN SETIAP ORANG MEMPUNYAI PERLINDUNGAN DARIPADA MENJADI TANPA KEWARGANEGARAAN
- MELAWAN UNDANG-UNDANG YANG MENDISKRIMINASIKAN – TERUTAMANYA YANG MENDISKRIMINASIKAN KUMPULAN MINORITI ETNIK, KAUM WANITA, DAN ORANG KURANG UPAYA
- MEMBANTAH SEKIRANYA SESEBUAH NEGARA CUBA MENARIK BALIK KEWARGANEGARAAN SESEORANG
- MENGALU-ALUKAN DAN MELINDUNGI GOLONGAN PELARIAN



Kami Memahami Anda

GREG CONSTANTINE ADALAH SEORANG JURUGAMBAR YANG TERKENAL. BELIAU TELAH BERJUMPA DAN MENGAMBIL GAMBAR KANAK-KANAK TANPA KEWARGANEGARAAN DI SELURUH DUNIA. SAYA SANGAT BERNASIB KERANA DAPAT BERJUMPA DENGAN BELIAU MELALUI PEKERJAAN SAYA TENTANG ISU TANPA KEWARGANEGARAAN INI. BARU-BARU INI BELIAU TELAH BERKONGSI RENUNGANNYA DENGAN SAYA DAN IA MENGINGATKAN SAYA PADA KAWAN-KAWAN SAYA GRACE DAN MALIK. INI MEMBUAT SAYA LEBIH BERSEMANGAT UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH INI. INI ADALAH APA YANG GREG TELAH KONGSIKAN DENGAN SAYA.





Saya masih ingat pengembaraan saya ke Ivory Coast pada awal tahun 2010. Saya telah mengembara ke seluruh negara yang menakjubkan itu dan bertemu dengan orang tanpa negara yang bergelut hidup setiap hari. Kebanyakan mereka dilahirkan di Ivory Coast, tetapi tidak diiktiraf sebagai warganegara. Oleh itu, mereka dinafikan dokumen sehingga melumpuhkan kehidupan mereka, menghalang kehidupan mereka daripada berkembang, mencari pekerjaan, pendidikan dan rasa kebersamaan kepada negara ini yang mereka panggil rumah. Di penghujung masa saya di Ivory Coast, saya melawat rumah anak yatim di Abidjan. Rumah anak yatim itu adalah rumah kepada ramai kanak-kanak yang telah diserahkan sejak mereka dilahirkan, ada yang disebabkan kecacatan, ada yang yatim piatu kerana ibu bapa mereka telah meninggal dunia. Sesetengah dari mereka ditinggalkan kerana mereka golongan kurang upaya.

Pada masa itu, undang-undang di Ivory Coast tidak memberikan kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang 'dipungut': kanak-kanak yang tidak dapat dibuktikan siapa ibu bapa mereka. Akibatnya, kanak-kanak itu akan menjalani kehidupan tanpa mempunyai

kerakyatan. Seorang daripada kanak-kanak ini berumur sebelas tahun. Dia telah tinggal di rumah anak yatim sepanjang hidupnya.

Saya masih ingat ketika berbual pendek dengannya dan apabila saya mengambil gambarnya, dia berkata sesuatu kepada saya dalam bahasa Perancis. Saya tidak boleh bercakap atau memahami bahasa Perancis. Saya menganggap dia berkata sesuatu tentang saya yang mengambil gambarnya. Tetapi penterjemah memberitahu saya bahawa budak lelaki itu berkata...

“Kamu memahami saya.”

Ia adalah detik yang sangat bermakna, yang tidak akan saya lupakan. Kerana dalam banyak keadaan, kanak-kanak tanpa negara adalah mangsa yang paling senyap dan tidak kelihatan. Dan tanpa keraguan lagi, kanak-kanak juga adalah yang paling banyak menerima kesan daripada tidak bernegara. Masa depan mereka dinafikan. Potensi dinafikan. Banyak sumbangan yang mengagumkan kepada masyarakat dinafikan. Kanak-kanak tanpa negara mesti bergantung pada orang lain untuk bersuara, dan ini termasuk kanak-kanak lain. Kanak-kanak lain yang tahu bagaimana rasanya pergi ke sekolah, menikmati pelajaran mereka dan menemui keseronokan yang datang dari pembelajaran dan mendapat pendidikan. Kanak-kanak lain yang juga mempunyai impian tetapi hari ke hari hidup dengan peluang untuk merealisasikan impian tersebut. Kanak-kanak lain, tidak kira di mana mereka berada di dunia ini, yang percaya bahawa penting untuk berkata “Semua kanak-kanak berhak mendapat sijil kelahiran. Semua kanak-kanak berhak mendapat kewarganegaraan. Semua kanak-kanak berhak untuk masa depan cerah.”

Kami Memahami Anda!



Surat Kepada Seorang Kanak-kanak Tanpa Kewarganegaraan



SELEPAS PENGEMBARAAN AJAIB SAYA, SAYA TELAH BERKENALAN DENGAN TIGA WANITA LUAR BIASA YANG TIDAK PERNAH BERHENTI MENOLONG ORANG, MEMAHAMI SEJARAH, DAN MENGGUNAKAN UNDANG-UNDANG UNTUK KEBAIKAN. MEREKA SANGAT TERKEJUT DENGAN CERITA SAYA DAN MENGGALAKAN SAYA UNTUK MENERUSKAN PERJUANGAN SAYA MENUNTUT Keadilan. MEREKA BERKATA SAYA ADALAH SEORANG GADIS YANG SANGAT BERANI DAN SAYA TELAH MELAKUKAN KERJA YANG SANGAT BAIK. MEREKA JUGA BERJANJI UNTUK TERUS BERJUANG DENGAN SEDAYA UPAYA. TIBA-TIBA, MEREKA TERFIKIRKAN SESUATU. PASTINYA ORANG YANG TANPA KEWARGANEGARAAN BERASA AMAT KESEORANGAN DAN TERDESAK, LEBIH-LEBIH LAGI APABILA MEREKA BERASA TIADA SESIAPA YANG MEMBELA HAK MEREKA. JUSTERU ITU, MEREKA MEMUTUSKAN UNTUK MENULIS SURAT DI BAWAH YANG DITUJUKAN KEPADA KANAK- KANAK TANPA KEWARGANEGARAAN.

Wahai sahabat,

Kami menulis kepada kamu pada hari ini kerana kamu adalah seorang daripada beribu-ribu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di seluruh dunia. Kerana kamu tiada kewarganegaraan, dunia telah melayan kamu dengan tidak adil. Ini bukan kesalahan kamu, ataupun ibu bapa kamu. Setiap orang bertaraf sama rata, dan berhak untuk dilayan dengan sama rata. Kami benar-benar berpegang kepada pendirian ini, dan sudah bertahun-tahun kami berjuang untuk kesamarataan bagi setiap orang.

Situasi kamu mungkin seperti situasi Elsa, seorang gadis yang berumur lapan tahun dan dilahirkan di Republik Dominika. Ibunya dilahirkan di Haiti, tetapi telah bermastautin di Republik Dominika selama bertahun-tahun; neneknya juga warganegara Republik Dominika. Walau bagaimanapun, Elsa tidak diiktiraf sebagai warganegara Republik Dominika. Dia hanya dibenarkan bersekolah sehingga dia berumur 10 tahun. Selepas itu, dia memerlukan dokumen pengenalan.

Ataupun, situasi kamu mungkin seperti kisah Ivan, yang dilahirkan di Kosovo, oleh ibunya yang berasal dari Croatia dan bapanya berasal dari Serbia yang telah hilang dokumen pengenalan mereka dalam peperangan. Apabila Ivan jatuh sakit, hospital enggan menerimanya kerana dia tiada dokumen pengenalan.

Kisah kamu mungkin juga seperti kisah Subina, yang dilahirkan di Nepal. Ibunya adalah seorang ibu tunggal. Di Nepal, seorang ibu tunggal akan melalui pelbagai cabaran untuk memberikan kewarganegaraan kepada anak-anaknya. Subina memberitahu kami: "Saya selalu berasa saya sama sahaja dengan kawan-kawan saya, sehingga kami perlu mengisi borang untuk peperiksaan Sijil Tamat Sekolah ... borang yang kawan-kawan saya hantar diterima. Malangnya borang saya ditolak."

Mungkin kisah kamu adalah seperti kanak-kanak lain yang telah kehilangan kewarganegaraan disebabkan pelbagai perkara.

Walaupun bagaimanapun, ingat yang seorang yang istimewa dan unik. Kisah kamu milik kamu.

Sebagai anak muda, kamu adalah harapan dunia kita. Kamu akan membuat banyak perkara-perkara yang hebat, terutama sekali apabila kamu akan dibenarkan mencapai potensimu. Kamu mungkin hendak bertanya "siapa yang peduli dengan saya?!" Kamu juga mungkin ingin tahu berapa lama lagi kamu perlu tunggu, dan apa yang kamu boleh lakukan untuk membuat dunia memahami situasi kamu.

Kami percaya bahawa kamu telah dikecewakan oleh dunia ini. Kamu tidak patut dilayan sebegini. Setiap orang mempunyai hak kewarganegaraan – hak menjadi ahli kepada sebuah masyarakat. Ini bermaksud setiap kanak-kanak patut memiliki dokumen pengenalan, termasuk sijil lahir. Ini adalah hak setiap kanak-kanak tanpa mengira siapa mereka, di mana mereka tinggal, siapa ibu bapa mereka, sama ada mereka anak yatim atau tidak, bahasa yang mereka gunakan untuk bertutur, agama mereka, gender mereka, budaya mereka, sama ada mereka orang kurang upaya atau tidak, ataupun kekayaan mereka. Ini adalah hak asasi manusia bagi setiap kanak-kanak, yang dijanjikan oleh Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan di Konvensyen Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Child, CRC).

Walaupun bagaimanapun, untuk merealisasikan impian ini – untuk mencapai kesamarataan – ia memerlukan perjuangan yang berulang, dan kerjasama ramai orang di setiap negara termasuk

negara kita.

Kewarganegaraan nenek kami ditarik balik semasa dia berkahwin dengan seorang lelaki yang bukan warganegara. Seorang lagi datuk kami pernah kehilangan kewarganegaraan kerana kerajaannya tidak mengiktiraf orang Yahudi sebagai warganegara. Salah seorang daripada ibu bapa kami diterima sebagai pelarian dari Eropah kerana mereka terpaksa melarikan diri dari negara mereka kerana mereka dihukum oleh seorang diktator. Kami semua mengenali seorang kawan yang telah kehilangan kewarganegaraan ataupun yang tidak mempunyai kewarganegaraan.

Kamu tidak patut menderita kerana identiti ibu bapa kamu, ataupun agama kamu, ataupun sama ada ibu kamu dibenarkan mewariskan kewarganegaraannya kepada kamu atau tidak. Kamu mempunyai hak-hak asasi sebagai manusia dan kamu berhak untuk menikmatinya.

Kami ingin memaklumkan kepada kamu bahawa ada yang sedang cuba untuk menyelesaikan isu tanpa kewarganegaraan dari dunia ini, dan mereka juga sedang berjuang untuk mengubah situasi orang tanpa kewarganegaraan seperti kamu. Ia sangat mengecewakan, lebih-lebih lagi bagi kamu, kerana usaha ini masih tidak mencukupi. Namun, terdapat banyak petanda yang menunjukkan bahawa ada kemajuan dalam perjuangan ini. Semakin ramai yang menyertai usaha kami, dan memahami mengapa kanak-kanak boleh menjadi tanpa kewarganegaraan dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya. PBB sedang memohon kepada negara-negara sedunia untuk mengubah undang-undang mereka, dan terdapat beberapa negara yang telah memulakan proses ini. Sepuluh orang atlet pelarian dan tanpa kewarganegaraan berkuat di hadapan majlis pembukaan Sukan Olimpik di Rio de Janeiro pada tahun 2016. Mereka mengibarkan bendera Olimpik, dan telah berarak kepada lagu rasmi Olimpik. Mereka telah mendapat tepukan gemuruh dari seluruh stadium oleh kerana bakat dan keberanian mereka.

Sementara itu, kami berasa amat lagum dengan kamu yang menghadapi segala cabaran di dalam hidup kamu dengan semangat berani yang tidak luput. Kami berjanji untuk terus berjuang untuk kamu, dan kami berjanji untuk terus menggalakkan orang lain untuk menyertai perjuangan ini juga.

Rachel Brett, Stefanie Grant, Linda K Kerber



SEKIRANYA ANDA ADA KEWARGANEGARAAN, ADAKAH ANDA AKAN MENULIS SURAT KEPADA SEORANG KANAK-KANAK YANG TIADA KEWARGANEGARAAN? APA YANG AKAN ANDA TULIS?

SEKIRANYA ANDA TIADA KEWARGANEGARAAN, ADAKAH ANDA AKAN MENULIS SEPUCUK SURAT KEPADA SEORANG KANAK-KANAK YANG ADA KEWARGANEGARAAN ATAU PUN KEPADA SEORANG KANAK-KANAK YANG TIADA KEWARGANEGARAAN YANG TINGGAL DI SEBUAH NEGARA LAIN? APAKAH YANG AKAN ANDA TULIS?

Masa Hadapan Neha



Kawan-kawan saya mencadangkan kami berkelah pada hari Jumaat untuk menyambut tamatnya peperiksaan kami. Saya bertanya mak tentang persediaan untuk perkelahan itu. “*Shamburak*” katanya, “Mak terjumpa satu resipi yang sangat lazat di YouTube baru-baru ini, dan mak hendak mencubanya. Mak boleh membantu dengan persiapan awak **Nanu**.” Emak menerangkan bahawa *shamburak* adalah sejenis adunan yang berintikan daging, herba, dan rempah yang digoreng. Tiba-tiba sebuah gelombang kenangan manis menjalar turun belakang tubuh saya, hingga ke kaki saya. Saya terpaksa duduk. Saya hampir boleh

menghidu bau-bauan rempah rumah Sima. “Mak, adakah ini sejenis snek Kurdi Syria?” “Ya Nanu” katanya.

NANU BERMaksud GADIS MUDA DALAM BAHASA NEPAL.

Sejak beberapa tahun lepas, kehidupan saya telah berubah dengan banyak. Grace, Sima, Riki, Lucas, dan kawan-kawan lain saya dari seluruh dunia telah bekerja keras untuk meningkatkan kesedaran tentang kewarganegaraan dan orang tanpa kewarganegaraan. Kami juga telah berkenalan dengan ramai lagi orang melalui perjuangan ini. Sekali-sekala, kami akan berbalas surat di antara satu sama lain, dan

mereka akan mengenal sesama mereka melalui saya. Walau bagaimanapun, imej dan bau makanan ini telah membawa balik minda saya ke permulaan pengembaraan saya.

Baru-baru ini, kami telah mendapatkan kewarganegaraan Nepal! Perjuangan kami memang sukar dan mengambil masa yang lama. Ibu selalu tidur lambat kerana dia akan membaca tentang kes-kes lain yang sedang diputuskan di dalam Mahkamah Agong

Kathmandu. Pada setiap hari Jumaat selepas sekolah, kami akan memprotes di luar bangunan-bangunan kerajaan. Saya juga mendapat peluang untuk membaca satu puisi yang telah saya tulis tentang perasaan saya sebagai seorang yang tiada kewarganegaraan kepada sekumpulan orang di **Dataran Durbar**.

Ramai orang dari seluruh dunia telah melawat rumah kami dan menemu bual kami. Sudah empat ke lima kali kami berulang alik ke Mahkamah Agong Kathmandu. Kadangkala, kes kami akan ditangguhkan.

Sepanjang perjuangan ini, saya berasa seperti saya terperangkap dalam sebuah kotak yang saya tidak dapat lihat; saya dapat bergerak, bertindak, dan bercakap seperti biasa, tetapi sesuatu yang di luar kawalan dan penglihatan saya sedang menghalang saya dari mencapai potensi penuh.

Kakak Sushma, peguam kami, adalah seorang adiwira. Dia menghujahkan bahawa undang-undang kewarganegaraan Nepal melanggar Perlembagaan Nepal oleh sebab Perlembagaan Nepal mengharamkan diskriminasi antara kaum lelaki dan perempuan. Akhirnya, kami telah menang dalam perjuangan kewarganegaraan ini. Saya tidak akan lupa perasaan saya semasa kami menerima keputusan itu. Saya penuh dengan kebahagiaan, dan saya ingin berkongsi perasaan ini dengan setiap orang yang saya temui.

Tahun ini, saya akan menduduki peperiksaan yang kakak saya tidak dibenarkan ambil sebelum ini. Saya akan menduduki peperiksaan ini kerana saya sudah ada kewarganegaraan. Walaupun mengambil peperiksaan itu memang tidak seronok tetapi banyak kebimbangan telah hilang dari kehidupan saya.

Sekarang, saya ada kewarganegaraan. Tiada sesiapa yang boleh menarik balik kewarganegaraan saya. Saya teringatkan kawan-kawan saya di seluruh dunia. Saya sangat rindukan mereka, dan saya ingin lawati mereka lagi untuk mengucapkan terima kasih untuk segalanya, untuk memberitahu mereka yang saya akan terus berjuang membela hak mereka dan semua orang yang masih tiada kewarganegaraan.

Saya memberitahu mak bahawa saya akan balik sebentar lagi.

Saya berlari ke bilik tidur saya dan mengambil sebuah kotak kasut di bawah katil saya yang terletak di belakang beberapa beg. Di dalam kotak kasut ini, di bawah surat, gambar, dan buku nota saya, adalah dompet Lucas yang mengandungi syiling-syilingnya.

Saya mengambil sekeping syiling tanpa melihat rupanya. Saya menggenggamnya dengan kuat, dan melafazkan hajat istimewa saya.

Saya membuka mata saya, tetapi saya masih berada di bilik tidur saya..

Saya mencuba lagi dengan syiling lain, dan sekali lagi, dan sekali lagi.

Tiada apa-apa yang berlaku. Masih tiada apa-apa yang berlaku.

Tiba-tiba, saya sedar apa sebabnya..

Saya tidak lagi memerlukan syiling-syiling itu.

Saya diterima di sini.

Saya diiktiraf.

Saya bertaraf sama rata dengan semua.



Belajar, Berfikir, Bertindak, Berkempenn, Bermain. Jadilah Kreatif - Tingkatkan Kesedaran!



SEKARANG, ANDA ADALAH SEORANG PAKAR TENTANG ISU KEWARGANEGARAAN. ANDA MUNGKIN LEBIH BERPENGETAHUAN TENTANG KEWARGANEGARAAN DARI KEBANYAKAN ORANG DI DUNIA! JADI, MEMANGLAH ANDA SEORANG PAKAR! SAYA BERHARAP ANDA AKAN MEMBANTU KAMI MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG KEWARGANEGARAAN DAN ISU TANPA KEWARGANEGARAAN, DAN BETAPA IA SESUATU YANG TIDAK ADIL DAN SALAH, APABILA KANAK-KANAK DIBIARKAN TANPA KEWARGANEGARAAN DI DALAM MASYARAKAT ANDA. ADA BANYAK PERKARA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN!

Sila layari laman web www.kids.worldsstateless.org untuk mendapat maklumat lanjut tentang aktiviti-aktiviti yang boleh anda lakukan bagi meningkatkan kesedaran tentang isu tanpa kewarganegaraan, untuk menjadi aktivis ke arah perubahan; dan sumber maklumat bagi isu tanpa kewarganegaraan.

Di bawah adalah beberapa contoh aktiviti yang anda boleh lakukan. Cuba cara-cara yang baru. Cari kaedah yang sesuai untuk anda. Apakah cara terbaik untuk memahami dan menyampaikan perasaan-perasaan di dalam diri anda? Gunakan kemahiran anda untuk meningkatkan kesedaran tentang kewarganegaraan dan isu orang tanpa kewarganegaraan. Sebarkan apa yang telah anda belajar kepada orang ramai. Bukakan hati mereka untuk fikirkan tentang isu ini. Dengan berkerjasama, kita mampu mencetuskan satu perubahan!

JADILAH PENERAJU KEMPEN, DENGAN MENYOAL DAN MENYEBARKAN MAKLUMAT TENTANG ISU ORANG TANPA KEWARGANEGARAAN KEPADA SEBERAPA RAMAI ORANG YANG ANDA MAMPU. MULAKAN DENGAN KELUARGA DAN KAWAN-KAWAN ANDA. MAKLUMKAN KEPADA CIKGU-CIKGU DAN KAWAN SEKELAS ANDA.

TULIS SEPUCUK SURAT KEPADA EDITOR SURAT KHBAR TEMPATAN ANDA, ATAUPUN MAJALAH SEKOLAH ANDA, ATAUPUN SEORANG AHLI POLITIK. MEMAKLUMKAN KEPADA MEREKA TENTANG ISU TANPA KEWARGANEGARAAN DAN CADANGKAN TINDAKAN YANG MEREKA BOLEH AMBIL UNTUK MENYELESAIKAN ISU INI.

REKAKAN SATU POSTER TENTANG UNDANG-UNDANG KEWARGANEGARAAN DI NEGARA ANDA, HAK KEWARGANEGARAAN SETIAP KANAK-KANAK, ATAUPUN HAK ASASI MANUSIA TANPA KEWARGANEGARAAN UNTUK RUMAH ATAUPUN KELAS ANDA.

LAKARKAN SATU LUKISAN TENTANG KEWARGANEGARAAN. GUNAKAN MANA-MANA FOTO SEBAGAI INSPIRASI, ATAU GUNAKAN IMAGINASI ANDA. MUNGKIN ANDA BOLEH MENYERTAI PERTANDINGAN MELUKIS MENGGUNAKAN LUKISAN ANDA, ATAU DI DALAM PAMERAN SENI DI SEKOLAH ANDA.

BELAJAR LEBIH BANYAK TENTANG SITUASI ORANG TANPA KEWARGANEGARAAN DI NEGARA ANDA. DAPATKAN MAKLUMAT TENTANG SIAPA-SIAPA YANG TANPA KEWARGANEGARAAN. BELAJAR TENTANG KISAHNYA, DAN SEBARANG TINDAKAN YANG SEDANG MEREKA AMBIL UNTUK MENGUBAH KEADAAN MEREKA.

RAKAM SEBUAH VIDEO PENDEK TENTANG ISU TANPA KEWARGANEGARAAN DAN APAKAH TINDAKAN-TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL UNTUK MENYELESAIKANNYA. KONGSI VIDEO ITU DENGAN KAWAN-KAWAN ATAU KELUARGA ANDA MELALUI MEDIA SOSIAL. TETAPI, PASTIKAN ANDA SELAMAT SEMASA BERADA DI ATAS TALIAN.

CIPTA BEBERAPA SLOGAN UNTUK KEMPEN DAN PROTES ANDA. SLOGAN SEPERTI, "KITA SEMUA WARGA NEGARA INI!" ATAU "KEWARGANEGARAAN UNTUK SEMUA!" BOLEHKAH ANDA FIKIRKAN SATU SLOGAN SENDIRI?

SEKIRANYA ANDA KREATIF, ANDA JUGA BOLEH MENULIS SATU KARANGAN, PUISI, LAGU ATAUPUN DRAMA. ANDA MUNGKIN BOLEH MEMPERSEBAHKANNYA DI SEKOLAH, ATAUPUN UNTUK KAWAN-KAWAN DAN KELUARGA ANDA.

Penghargaan

Buku ini diterbitkan oleh Institusi Tentang Orang Tanpa Warganegara dan Penyertaan (Institute on Statelessness and Inclusion, “Institusi”), sebuah persatuan bukan kerajaan yang berjuang untuk hak warganegara untuk semua. Salah satu titik fokus kami adalah isu tanpa kewarganegaraan untuk kanak-kanak, yang memberi impak kepada berjuta-juta kanak-kanak di seluruh dunia. Buku ini, dan laman sesawangnya kids.worldsstateless.org, berhasrat untuk meningkatkan kesedaran sesama kanak-kanak, dan juga orang dewasa, tentang fenomena ini yang memberikan kesan negatif yang tidak diperlukan bagi kepada ramai kanak-kanak.

Buku ini ditulis oleh Amal de Chickera dan Deirdre Brennan, dengan bantuan editorial tambahan dari Laura van Waas dan Ileen Verbeek. Ia diilustrasikan oleh Dian Pu, direka letak oleh Deshan Tennekoon dan Nur Jannatul Ajilah. Buku ini diterjemahkan oleh Andre Tan GuanYu. Kami amat berterima kasih kepada kanak-kanak dari SOS Villages Aboisso and UNHCR Ivory Coast di atas kesudian mereka untuk menerbitkan lukisan mereka (muka surat 4, 25, 26 & 55) dan juga berterima kasih kepada Kanchini Chandrasiri di atas lukisannya (muka surat 77). Kami juga berterima kasih kepada para jurugambar yang telah berkongsi dengan kami gambar-gambar yang diambil oleh mereka: Greg Constantine (muka surat 17, 23, 52, 53, 55, 59 & 75), Saiful Huq Omi (muka surat 31, 56 & 57), Allison Petrozziello dan OBMICA (muka surat 21), Subin Mulmi dan FWLD (muka surat 42), Deepti Gurung (muka surat 83), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara Kenya (*The Kenya Human Rights Commission*) (muka surat 39), Laura Quintana Soms (muka surat 20) dan Helen Brunt (muka surat 33). Terima kasih kepada Anne dan Geoff Hayward, Piyumi Samaraweera and Jarlath Clifford kerana menyemak buku ini, dan kepada Sharifah Shakira kerana menyemak terjemahan Bahasa Malaysia buku ini.

Sebelum kami menulis buku ini, kami telah mengundang kanak-kanak dari seluruh dunia untuk menjawab satu borang soal selidik tentang kewarganegaraan dan isu orang tanpa kewarganegaraan. Jawapan hebat yang kami terima datang dari pelbagai negara seperti Pakistan, Belanda, Serbia, Sri Lanka, United Kingdom, Amerika Syarikat, Thailand dan Ireland telah banyak membantu kami. Terima kasih kepada semua kanak-kanak yang menjawab borang soal selidik itu, dan juga kepada rakan kongsi kami, dan kawan-kawan kami yang telah mengumpul kesemua jawapan-jawapan tersebut untuk kami. Empat orang kanak-kanak yang telah menjawab borang soal selidik itu dikemukakan di dalam buku ini:

Lucas dan Linde (negara Belanda), dan Kithmi dan Kenolee (Sri Lanka), tetapi terdapat juga banyak lagi jawapan yang memang hebat!

Buku ini berdasarkan cerita dan orang yang sebenar. Ia terhasil daripada penyelidikan kami dan rakan-rakan serta kajian-kajian lepas yang telah diterbitkan.

- ❖ Watak Kezia di negara Macedonia adalah berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan oleh Institusi, Pusat Hak Asasi Roma Eropah (the European Roma Rights Centre), Rangkaian Tanpa Kewarganegaraan Eropah (the European Network on Statelessness), dan juga organisasi pasangan yang bekerja tentang tanpa kewarganegaraan Roma di Balkan Barat, dan diterbitkan pada bulan Oktober tahun 2017 (*rujukan: <http://www.errc.org/cms/upload/file/roma-belong.pdf>*).
- ❖ Watak Rosa di negara Republik Dominika berdasarkan filem dokumentari bertajuk 'Our lives in Transit', yang diterbitkan oleh Kesatuan Hak Asasi Minoriti Antarabangsa (Minority Rights Group International) pada bulan April tahun 2017 (*rujukan: <https://www.youtube.com/watch?v=DAqGuj8AT1U>*).
- ❖ Grace dan kanak-kanak lain di negara Ivory Coast adalah berdasarkan sebuah kisah yang diterbitkan oleh UNCHR pada bulan November tahun 2015 (*rujukan: <http://kora.unhcr.org/lost-children-cote-divoire/>*).
- ❖ Kisah Aasif, Riki, dan kanak-kanak Bajau Laut berdasarkan penerbitan Helen Brunt 'Stateless at Sea', yang diterbitkan di Laporan Tanpa Kewarganegaraan Sedunia 2017 oleh Institusi (*rujukan: <http://www.institutesi.org/worldsstateless17.pdf>*).
- ❖ Kisah Sima di negara Jerman adalah berdasarkan laporan 'The Stateless Syrians' oleh Zahra Albarazi pada tahun 2013 (*rujukan: <http://www.refworld.org/pdfid/52a983124.pdf>*), dan juga satu siri temu bual dengan beberapa orang kanak-kanak Syria yang tanpa kewarganegaraan yang diadakan pada tahun 2016, di dalam fail Institusi.
- ❖ Kisah orang Makonde adalah berdasarkan filem dokumentari bertajuk 'The Journey of the Makonde to Citizenship' oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara Kenya (The Kenya Human Rights Commission) yang diterbitkan pada bulan Julai tahun 2017 (*rujukan: https://www.youtube.com/watch?v=-PG8chfAX_U*).
- ❖ Informasi dari negara Nepal adalah berdasarkan usaha Forum Wanita, Undang-undang, dan Pembangunan (Forum for Women, Law, and Development) dan interaksi kami dengan Deepti Gurung dan keluarganya.
- ❖ Persoalan Kanak-kanak (yang tanpa kewarganegaraan) pertama kali dikemukakan kepada Suruhanjaya Tinggi PBB berkenaan Pelarian dan beberapa Persatuan Bukan Kerajaan di rundingan PBB-PBK pada tahun 2016 di Geneva.
- ❖ Karangan 'Kami Memahami Anda' ditulis oleh Greg Constantine. Satu versi karangan ini diterbitkan di dalam Laporan Tanpa Kewarganegaraan Sedunia 2017 oleh Institusi (*rujukan: <http://www.institutesi.org/worldsstateless17.pdf>*).

☪ Karangan ‘Surat Kepada Seorang Kanak-kanak Tanpa Kewarganegaraan’ ditulis oleh Linda Kerber, Rachel Brett dan Stefanie Grant, ahli-ahli lembaga pemegang amanah Institusi.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap orang yang menyemak draf buku ini dan telah memberikan nasihat, maklum balas, dan semangat yang sangat dihargai. Terima kasih juga kepada Tony Daly dan Ciara Regan dari “80:20 Educating” dan “Acting for a Better World” di atas sokongan mereka sepanjang buku ini ditulis; Karl Ó Broin, Guru Besar Maeve Tierney dan juga kakitangan BNS St Cronan, Bray, Ireland; Samantha Pyper dan pelajarnya Emily Antscherl dari Akademi Al Yasmina Abu Dhabi; Puan L. Browning, Guru Besar Sekolah Rendah “Norbury Primary School Harrow”, United Kingdom; Ruwanthie de Chickera dari Stages Theatre Group, Sri Lanka; Kerry Neal dari UNICEF dan Jo Holmwood dan rakan sekerjanya di Kids Own Publishing.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap penderma yang telah menolong kami menghasilkan buku ini: The Sigrid Rausing Trust, Janivo Stichting, Stichting Weeshuis der Doopsgezinden dan the Oak Foundation.

Akhirnya, dan terutamanya, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Neha, kakaknya Nikita, ibunya Deepti dan suami Deepti, Diwakar. Neha, kerana menjadi ilham buku ini dan menjadi wahana kisah ini diceritakan. Keluarganya, kerana terus berdedikasi dan komited berjuang untuk undang-undang kewarganegaraan yang tidak berdiskriminasi, dan untuk membasmi isu tanpa kewarganegaraan dari negara Nepal. Kamu adiwira kita semua!



Adakah anda mempunyai kewarganegaraan? Bolehkah anda menjadi orang tanpa kewarganegaraan? Bagaimana anda boleh membantu?

Sertai Neha dalam perjalanannya ke seluruh dunia! Di dalam buku ini, Neha akan menerokai negara-negara di seluruh dunia, bertemu dengan kanak-kanak dari pelbagai negara, dan mempelajari isu orang konsep tanpa kewarganegaraan, sambil cuba memahami situasi kewarganegaraan dirinya sendiri yang membingungkan.

Buku ini mengupas salah satu cabaran yang tersembunyi, dalam pembelaan hak asasi manusia kontemporari, dengan jelas dan semangat yang mesti dikagumi. Ia merupakan salah satu sumber maklumat yang kukuh bagi pendidik, aktivis muda, dan golongan belia yang ingin memahami salah satu daripada hak asasi manusia sejagat yang dinafikan bagi berjuta orang pada zaman sekarang.

–Jacqueline Bhabha, Pensyarah Praktik Kesihatan dan Hak Asasi Manusia, Universiti Harvard (Harvard University).

Sebuah pengenalan kepada isu orang tanpa kewarganegaraan untuk kanak-kanak dalam bentuk yang bukan sahaja menghiburkan, malah bersifat mendidik. Perjuangan Neha menunjukkan dengan jelas cabaran yang dihadapi kanak-kanak tanpa warganegara dan cabaran yang dihadapi keluarganya. Buku ini amat berguna untuk mengajar kanak-kanak tentang hak-hak yang mereka miliki dan juga bagaimana mereka boleh membawa perubahan.

–Kerry L. Neal, Pakar Pelindungan Kanak-Kanak, UNICEF

Institusi Tentang Orang Tanpa Warganegara dan Penyertaan (*Institute on Statelessness and Inclusion*) adalah sebuah persatuan bukan kerajaan yang berjuang untuk hak warganegara bagi semua.

Untuk maklumat lanjut tentang Institusi tersebut, sila layari www.InstituteSI.org

Untuk maklumat lanjut dan aktiviti berkaitan konsep tanpa kewarganegaraan, sila layari KIDS.WORLDSSTATELESS.ORG



ISBN: 978-90-828366-0-8

£ 10.00



€ 12.50

978-90-828366-0-8

\$ 15.00